Kod	Nama Kursus	Kredit	Catatan
PBI 1012	English for Professional Purposes	2	Pelajar dikehendaki memilih 2 kursus sahaja
PBI 1022	Creative Writing In English	2	
PBI 1032	Academic Reading and Writing	2	
PBI 1042	Progressive Grammar	2	
PBI 1052	English for the Real World	2	
PBI 1062	English for Self-Expression	2	
TMX 2012	Alat kuasa Untuk Pekerja Ilmuan	2	Prasyarat Lulus TMX 1011
PBM 2022	Bahasa Malaysia	2	-
SSX 0012	TITAS 1	2	-
SSX 0022	Hubungan Etnik	2	Prasyarat Lulus SSX 0012
Jumlah kredit		**12**	

KURSUS PENGUKUHAN (R)

Kod	Nama Kursus	Kredit	Catatan
TMX1011	Komputan Pengguna	0	Diambil oleh pelajar yang tidak menduduki atau gagal dalam UPIT (Ujian Penempatan IT)
PBI 0011	Preparatory English 1	0	Perlu diambil oleh pelajar yang mendapat MUET Band 1-3.
PBI 0021	Preparatory English II	0	Prasyarat PBI 0011. Bagi Pelajar yang Lulus *Preparatory English 1*
Jumlah kredit		**0**	

fakulti ilmu kognitif dan pembangunan manusia 2006/07

KURSUS PELENGKAP

Setiap pelajar perlu mengambil kursus Pelengkap sekurang-kurangnya 9 kredit sepanjang pengajian sebagai syarat bergraduat. Kursus-kursus ini boleh diambil dari fakulti lain atau dari program lain di fakulti yang sama. Senarai kursus Pelengkap yang ditawarkan mengikut fakulti adalah seperti berikut.

FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Semester ditawarkan	Catatan
KMF1013	Pengenalan Sains Kognitif	3	1	
KMF1023	Psikologi Kognitif	3	1	
KMF2043	Kognisi dan Tingkah laku	3	2	Prasyarat KMF 1013
KMK1013	Neurosains Kognitif	3	2	Prasyarat KMF 1013
KMK1023	Falsafah Minda	3	2	Prasyarat KMF 1013
KMS1023	Pengurusan Sumber Manusia	3	1	
KMS1033	Pembangunan Sumber Manusia	3	2	
KMS2023	Perekaan dan Pengurusan Program Latihan	3	2	
KMS2073	Pengurusan Pampasan dan Faedah	3	1	
KMS2083	Perancangan, Pengambilan dan Pemilihan Sumber Manusia	3	1	
KMS3033	Pengurusan Prestasi	3	1	
KMT 1023	Literature in English	3	1	
KMT 2013	Phonetics and Phonology of English	3	1	

Institut Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia 2006 ©

FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI SUMBER

Pelajar-Pelajar yang memilih kursus **STB1073 Pengantar** *Bioteknologi/Introduction to Biotechnology*, diwajibkan mengambil kursus **STB1013 Biologi Sel/*Cell Biology*** sebagai prasyarat.

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Semester ditawarkan
STB1013	Biologi Sel	3	1
STB2033	Fisiologi Am	3	1
STB1042	Mikrobiologi Asas	2	2
STB1073	Pengantar Bioteknologi	3	2
STB3092	Isu-isu Sosial Dalam Bioteknologi	2	2
STK2032	Kimia Atmosfera	2	1
STK3012	Sistem Pengurusan Alam Sekitar	2	1
STK1093	Kimia Analisis	3	2
STK2062	Kimia Akuatik	2	2
STF1054	Biodiversiti	4	1
STH3023	Biologi Pemuliharaan	3	1
STH3032	Pengurusan Haiwan Kurungan	2	2
STT3062	Pengurusan Ladang Tanaman	2	1
STT2013	Etnobotani	3	2
STA2023	Vertabrata Akuatik	3	1
STA3012	Isu-isu Semasa Pemantauan Biologi	2	1
STS3112	Isu-isu Semasa Sains Biologi	2	2
STF2113	Sains dan Teknologi Perkayuan	3	1 & 2
STF3053	Kemerosotan Bio dan Pengawetan Kayu	3	1 & 2

FAKULTI EKONOMI DAN PERNIAGAAN

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Semester ditawarkan
EBF 1033	Asas Perakaunan	3	1 & 2
EBP 1013	Pemasaran	3	1
EBM1063	Pengenalan Kepada Pengurusan Perniagaan	3	1 & 2
EBT 2013	Pengenalan kepada Pelancongan	3	1
EBS 2053	Elektronik Perdagangan	3	1
EBE2043	Ekonomi Pengurusan(Prasyarat EBE1053)	3	1 & 2
EBF 2013	Institusi Kewangan, Pasaran Modal & Wang (Prasyarat EBF 1023 atau EBF 1033)	3	1 & 2
EBM 3013	Pengurusan Strategik (Prasyarat EBM 1013 atau EBP 1013 atau EBM 1063)	3	1
EBS 3063	K-Ekonomi (Prasyarat EBM 1013 atau EBP 1013 atau EBM 1063)	3	1

fakulti sains kognitif dan pembangunan manusia 2006/07

Berikut adalah antara syarat-syarat yang telah ditetapkan sebagai panduan pelajar terlibat:

1. Ditawarkan kepada semua pelajar KECUALI bagi pelajar yang mengikuti mana-mana kursus yang disenaraikan ini sebagai kursus teras.
2. Untuk kursus-kursus yang mempunyai prasyarat tertentu, pelajar dikehendaki menghabiskan terlebih dahulu prasyarat untuk kursus tersebut sebelum dibenarkan untuk mendaftar kursus yang mempunyai prasyarat tersebut.

FAKULTI KEJURUTERAAN

Program Kejuruteraan Sivil

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Semester ditawarkan
KNS1013	Statik	3	1
KNS1043	Bahan Kejuruteraan Sivil	3	1
KNS1063	Kekuatan Bahan	3	1

Program Kejuruteraan Elektronik dan Telekomunikasi/
Program Kejuruteraan Elektronik dan Komputer

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Semester ditawarkan
KNL1023	Teori Litar	3	1
KNL1053	Elektronik Analog	3	2
KNL1253	Elektronik Digital	3	2

Program Kejuruteraan Mekanikal dan Sistem Pembuatan

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Semester ditawarkan
KNJ1013	Statik	3	1
KNJ1042	Kejuruteraan Bahan I	2	1
KNP4092	Reka bentuk Kejuruteraan	2	2

fakulti sains kognitif dan pembangunan manusia 2006/07

FAKULTI SAINS SOSIAL

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Semester ditawarkan
SSF1014	Pengenalan Antropologi dan Sosiologi	4	1
SSF1053	Pengenalan Sains Politik	3	1 & 2
SSA2043	Pengenalan Ekonomi Antarabangsa	3	1
SSA2063	Organisasi-organisasi Antarabangsa	3	1
SSA2093	Politik ASEAN	3	2
SSA3043	Isu-isu Semasa Hubungan Antarabangsa	3	2
SSA3053	Dasar Luar Malaysia	3	1
SSB2073	Reka bentuk dan Pengurusan Organisasi	3	2
SSB2093	Perlakuan Organisasi	3	1
SSS2012	Organisasi Sosial	2	1
SSS2043	Pembangunan Manusia dalam Konteks Persekitaran	3	2
SSS3053	Perancangan Dasar dan Pengurusan Khidmat Sosial	3	1
SSS3033	Pengkhususan Khidmat Sosial: Perubatan dan Kesihatan	3	2
SSK2053	Prinsip Dan Amalan Perhubungan Awam	3	1
SSK2063	Komunikasi Pemasaran dan Periklanan	3	2
SSK3023	Komunikasi Organisasi	3	1
SSK3053	Komunikasi Antarabangsa	3	2
SSR2013	Konsep Asas dan Isu-isu Pembangunan	3	1
SSR2023	Dimensi Alam Sekitar dalam Pembangunan	3	1
SSR3033	Teori dan Teknik Perancangan Wilayah	3	1
SSR3043	Demografi	3	2
SSP2013	Sistem Perundangan Malaysia	3	1
SSP2023	Pemikiran Politik Moden	3	2
SSP2033	Sistem Politik Malaysia	3	2
SSP2043	Sistem Politik Bandingan	3	1

Nota

- Pelajar-pelajar yang memilih kursus **SSS2012 – Organisasi Sosial** diwajibkan terlebih dahulu mengambil kursus **SSF1014 -Pengenalan Antropologi dan Sosiologi** sebagai pra-syarat.
- Pelajar-pelajar yang memilih kursus-kursus **SSP2013 Sistem Perundangan Awam, SSP2023 Pemikiran Politik Moden, SSP2033 Sistem Politik Malaysia SSP2043 Sistem Politik Bandingan** pula **diwajibkan** mengambil kursus **SSF1053 - Pengenalan Sains Politik** sebagai prasyarat.

FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Semester ditawarkan	Catatan
TMC1413*	Pengantar Pengaturcaraan	3	1	-
TMC1433*	Algoritma dan Struktur Data	3	2	Prasyarat TMC1413
TMP1613	Teknologi Multimedia	3	1	-
TMC1013	Kaedah Analisis & Reka bentuk Sistem	3	1	-
TMC2013	Pengkomputeran Visual (menggantikan kursus Pengaturcaraan Visual Menggunakan Visual Basic)	3	2	Prasyarat TMC1413
TME2013	Kejuruteraan Perisian dan Pembangunan Aplikasi	3	1	Prasyarat TMC1433

Nota

- Pelajar Sains Kognitif dari FSKPM tidak dibenarkan mengambil pelengkap Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat untuk kursus *.
- Pelajar fakulti lain boleh mengambil mana-mana kursus pelengkap FSKTM dengan memenuhi kursus prasyarat seperti yang dinyatakan di atas.
- Pelajar FSKTM boleh mengambil mana-mana kursus yang ditawarkan oleh FSKTM yang bukan terdiri daripada program sendiri kecuali kursus TMP2613, TMP2013, TMP2213, TMP2413 dan TMP2713.

FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

Program Seni Halus

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Semester ditawarkan
GKF1013	Asas Fotografi	3	1

Program Sinematografi

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Semester ditawarkan
GKS1013	Pengenalan Sinema	3	1
GKS1043	Sinema Malaysia	3	2
GKS2063	Sinema Asia	3	1

fakulti sains kognitif dan pembangunan manusia 2006.07

Program Drama dan Teater

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Semester ditawarkan
GKD1023	Pengenalan Drama dan Teater	3	1

Program Teknologi Seni Reka

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Semester ditawarkan
GKG1013	Seni Reka Grafik: Elemen dan Proses	3	1
GKG1033	Pengenalan Media Digital	3	2
GKL1023	Seni Reka Tekstil dan Fesyen I	3	1
GKL1103	Ilustrasi Fesyen	3	1
GKR1143	Asas Teknik Visualisasi	3	1
GKR1153	Pengenalan Proses Rekaan	3	2

PUSAT PENGAJIAN BAHASA

Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit	Semester ditawarkan	Pra-syarat
1. BAHASA ARAB				
PBA 0033	Bahasa Arab Peringkat 1	3	I & II	-Tiada-
PBA 0043	Bahasa Arab Peringkat 2	3	I & II	PBA 0033
*PBA 0053	Bahasa Arab Peringkat 3	3	I & II	PBA 0043
2. BAHASA JEPUN				
PBJ 0033	Bahasa Jepun Peringkat 1	3	I & II	-Tiada-
PBJ 0043	Bahasa Jepun Peringkat 2	3	I & II	PBJ 0033
*PBJ 0053	Bahasa Jepun Peringkat 3	3	I & II	PBJ 0043
3. BAHASA PERANCIS				
PBP 0033	Bahasa Perancis Peringkat 1	3	I & II	-Tiada-
PBP 0043	Bahasa Perancis Peringkat 2	3	I & II	PBP 0033
*PBP 0053	Bahasa Perancis Peringkat 3	3	I & II	PBP 0043

Nota : * penawaran adalah tertakluk kepada bilangan pelajar yang mendaftar

fakulti sains kognitif dan pembangunan manusia 2006/07

LATIHAN INDUSTRI/INTERNSHIP/LATIHAN MENGAJAR

A. Latihan Industri Program Sains Kognitif

Latihan Industri merupakan salah satu keperluan untuk bergraduat dan diwajibkan kepada semua pelajar tahun tiga Program Sains Kognitif. Tempoh yang ditetapkan ialah 3 hingga 6 bulan (bergantung kepada keperluan organisasi). Pemilihan organsisasi bergantung kepada minat pelajar dan persetujuan daripada pihak Fakulti.

Program latihan industri yang diwajibkan kepada pelajar-pelajar akan memberi peluang kepada mereka untuk mengasah minat dan bidang yang diceburi dalam arena pekerjaan yang sebenar daripada cabang-cabang ilmu yang terangkum dalam Sains Kognitif selain mendedahkan skop serta bidang kerja sebenar yang bakal ditempuhi oleh pelajar Sains Kognitif kelak.

Pengurusan Latihan

Untuk memastikan latihan industri program Sains Kognitif dilaksanakan mengikut bidang-bidang yang relevan dan memberi manfaat yang berguna kepada pelajar dan organisasi serta kepentingan kepada masyarakat, latihan industri ini adalah lebih menjurus kepada bentuk pembelajaran berasaskan projek.

Ia adalah salah satu pendekatan yang komprehensif di mana pelajar akan bekerja dalam satu pasukan atau individu dalam satu projek yang telah dikenal pasti.
Antara kelebihan pembelajaran berasaskan projek adalah:

- Mengetahui dan mempelajari ilmu pengetahuan dalam bidang yang diminati dengan lebih mendalam.
- Meningkatkan lagi 'self-direction' dan motivasi diri.
- Mempertingkat dan memperbaiki kemahiran dalam bidang penyelidikan dan penyelesaian masalah.

Melalui latihan industri ini, pelajar-pelajar dikehendaki menjalankan satu projek atau satu fasa projek yang telah dikenal pasti dengan organisasi yang akan menjalankan latihan industri. Projek tersebut hendaklah dijalankan (dimulakan dan ditamatkan) di dalam tempoh latihan industri yang telah ditetapkan iaitu selama 3 hingga 6 bulan (atau mengikut permintaan organisasi).

Walau bagaimanapun, pelajar akan dinilai pada minggu ke 10 latihan industri. Setiap projek yang dicadangkan mestilah melibatkan penyelidikan atau pembangunan. Di akhir projek, pelajar dikehendaki menghasilkan produk/sistem, laporan penyelidikan atau prototaip yang lengkap untuk diserahkan kepada organisasi dan fakulti berserta laporan akhir mengenai projek tersebut.

fakulti sains kognitif dan pembangunan manusia 2006 07

Objektif Latihan Industri

Objektif latihan industri adalah untuk menyediakan dan mendedahkan pelajar-pelajar ke alam pekerjaan yang sebenar supaya mereka mendapat pengalaman dan kefahaman melalui tunjuk ajar dan bimbingan daripada pihak organisasi serta mahir menghadapi situasi sebenar di alam pekerjaan.

Objektif Khusus

1. Memperkenalkan peranan dan sumbangan bidang Sains Kognitif kepada organisasi;
2. Memahami secara lebih mendalam tentang bidang Sains Kognitif secara praktikal dan teori;
3. Mengaitkan dan mengaplikasikan teori bidang Sains Kognitif yang telah dipelajari kepada situasi sebenar dalam arena pekerjaan;
4. Mengetahui dan memberi tumpuan kepada konsep penyelidikan dan pembangunan di pelbagai organisasi; dan
5. Menjalinkan hubungan di antara universiti dengan organisasi.

Faedah kepada pelajar

1. Menghasilkan satu projek yang relevan dengan apa yang telah dipelajari di UNIMAS terutama dalam bidang Sains Kognitif dan memberi kepentingan kepada organisasi, masyarakat dan juga diri sendiri;
2. Memantapkan lagi tahap kemahiran dan kepakaran dalam penyelidikan dan pembangunan;
3. Menilai semula kekuatan, dan kelemahan sendiri, dan minat dalam bidang - bidang Sains Kognitif; dan
4. Menambah pengalaman, kemahiran dan pengetahuan dalam yang berikut:
   - pengurusan organisasi
   - kepimpinan
   - pengurusan projek
   - kerjasama dan semangat berpasukan
   - komunikasi
   - keusahawanan

Faedah kepada organisasi

1. Memanfaatkan pengetahuan dan aplikasi bidang Sains Kognitif di dalam organisasi untuk peningkatan kualiti dan produktiviti.
2. Menyumbang kemahiran dan kepakaran kepada pelajar.
3. Melebarkan jaringan hubungan antara universiti dan organisasi.

fakulti sains kognitif dan pembangunan manusia 2006/07

Peranan Pelajar dalam Latihan Industri

Pemilihan organisasi yang betul-betul relevan dan mantap dengan bidang yang ingin ceburi:

1. Penyediaan kertas cadangan projek
   - Mengemukakan kertas cadangan projek kepada penyelaras latihan industri untuk mendapatkan pandangan dan panduan sebelum dihantar kepada pihak organisasi yang dipilih untuk mendapatkan kebenaran menjalankan projek tersebut. Kertas cadangan juga boleh disediakan oleh organisasi yang terlibat.

2. Persediaan diri
   - Menghadiri orientasi dan seminar penampilan diri sebelum memulakan latihan industri supaya dapat menyediakan diri dengan lengkap dan berpengetahuan semasa menghadapi alam pekerjaan sebenar.

3. Perlaksanaan latihan industri
   - Mengisi dan mengembalikan borang **CS-LI 02** bagi pengesahan pendaftaran latihan industri di organisasi.
   - Melaksanakan projek dan bekerjasama dengan organisasi terbabit dalam tempoh latihan yang telah ditetapkan.
   - Menimba dan perolehi ilmu pengetahuan yang secukupnya sepanjang tempoh latihan dalam bidang tersebut.
   - Mematuhi semua peraturan dan kod etika kerja yang telah digariskan oleh pihak organisasi dan mengadaptasikannya dengan situasi pekerjaan yang sebenar.
   - Mengambil peluang untuk membangunkan sikap dan tingkah laku yang positif terhadap pekerjaan dan mengurus bidang tugas yang dilaksanakan secara profesional.
   - Mencatat segala aktiviti yang dilakukan sepanjang tempoh latihan di dalam buku log dan perlu disahkan oleh penyelia di organisasi setiap minggu.

4. Penilaian
   - Mengisi dan mengembalikan borang **CS-LI-05** berserta buku log kepada penyelaras latihan industri termasuklah refleksi dan maklum balas mengenai latihan industri yang telah dijalankan di organisasi yang terlibat.
   - Menyediakan 2 salinan laporan lengkap mengenai projek yang telah dijalankan di organisasi untuk penyelaras latihan industri di universiti dan penyelia di organisasi.
   - Antara isi kandungan laporan yang dicadangkan adalah seperti berikut :
     a. Pengenalan
     b. Ulasan projek yang dijalankan seperti latar belakang projek, kaedah yang digunakan, pengumpulan dan analisis data, pengujian, hasil projek, kepentingan projek, kelemahan, kekuatan dan kepentingannya kepada pelajar, organisasi serta masyarakat.
     c. Cadangan dan pengukuhan projek untuk masa akan datang.
     d. *Self-reflection* terhadap program Sains Kognitif
     e. Penutup

Peraturan Dan Panduan Untuk Pelajar Semasa Menjalani Latihan Industri

1. Pelajar diingatkan supaya bersifat bertanggungjawab kepada organisasi dengan melaksanakan semua tugas yang diberi dengan penuh dedikasi dan dengan cara yang terbaik.
2. Pelajar perlu menunjukkan inisiatif dan sifat proaktif, mereka perlulah mencari tugas-tugas yang perlu dilaksanakan daripada pihak penyelia.
3. Pelajar hendaklah sentiasa mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh organisasi.
4. Pelajar dilarang sama sekali datang lewat atau pulang awal dari waktu yang ditetapkan kecuali dengan izin penyelia.
5. Pelajar juga dilarang sama sekali tidak hadir ke tempat kerja kecuali kerana sakit atau kematian/ sakit teruk anggota keluarga terdekat. Sijil sakit dan atau sijil pengesahan kematian hendaklah diserahkan kepada penyelia secepat mungkin.
6. Pelajar tidak dibenarkan menggunakan maklumat mengenai organisasi tempat latihan selain daripada tujuan latihan praktik kecuali terlebih dahulu mendapat izin secara bertulis dari organisasi berkenaan.
7. Pelajar dikehendaki berpakaian kemas dan dilarang sama sekali memakai jean dan t-shirt serta pakaian menjolok mata.
8. Semua pelajar dikehendaki melengkapkan tempoh latihan industri yang telah ditetapkan.
9. Pada setiap masa, pelajar perlu menjaga nama baik Fakulti dan UNIMAS.

Penilaian

Semua pelajar yang menjalani latihan industri akan dinilai. Pengagihan markah penilaian prestasi latihan industri adalah seperti berikut:

1. Penilaian penyelia latihan di organisasi berdasarkan borang **CS-LI-03** dan laporan	50%
2. Penilaian dari pensyarah (borang **CS-LI-04**)	10%
3. Catatan aktiviti di dalam buku log oleh pelajar (perlu disahkan oleh penyelaras di organisasi)	10%
4. Laporan bertulis oleh pelajar	30%
Jumlah	**100%**

fakulti sains kognitif dan pembangunan manusia 2006/07

Penilaian oleh Penyelia

Laporan oleh penyelia akan dibuat berdasarkan kriteria berikut:

1. ***Komunikasi***

   Keupayaan pelajar menyampaikan idea melalui lisan dan penulisan secara tersusun dan berkesan.

2. ***Penampilan***

   Keupayaan pelajar menyesuaikan diri dengan keadaan (sosial dan profesional) dalam perhubungan dengan orang lain di tempat latihan iaitu kakitangan, pegawai atasan dan pelanggan.

3. ***Rupa diri***

   Diukur dari segi ciri-ciri fizikal (lahiriah yang dipamerkan) seperti pakaian, rambut dan kebersihan diri.

4. ***Keakuran***

   Kesanggupan pelajar menepati segala keperluan dan peraturan yang ditetapkan oleh agensi dan Fakulti.

5. ***Kesungguhan***

   Dilihat dari segi minat yang ditunjukkan oleh pelajar dalam melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan.

6. ***Keyakinan diri***

   Kesanggupan pelajar melaksanakan tugas, menyuarakan pendapat tanpa rasa takut dan teragak-agak.

7. ***Inisiatif***

   Diukur dari segi keinginan dan kesanggupan pelajar mempelajari sesuatu tugas tanpa mengharapkan terlalu banyak arahan.

8. ***Pengetahuan***

   Keupayaan pelajar melaksanakan tugas seperti yang diharapkan.

9. ***Hasil tugas***

   Kemampuan pelajar menghasilkan kualiti kerja mengikut piawai yang ditetapkan.

Seseorang pelajar yang diberi nilaian "tidak memuaskan" dikehendaki supaya mengulang latihan industrinya.

***Pelajar yang diberi gred "F" adalah dikehendaki mengulang semula latihan industri*
(Sila rujuk kepada Penyelaras Latihan Industri untuk maklumat lanjut)

B. Latihan Industri Program Pembangunan Sumber Manusia

Latihan Industri merupakan salah satu keperluan untuk bergraduat dan diwajibkan kepada semua pelajar tahun dua Program Pembangunan Sumber Manusia. Tempoh yang ditetapkan ialah 10 minggu. Latihan industri ini akan diadakan semasa antar sesi. Pemilihan agensi bergantung kepada minat pelajar dan persetujuan daripada pihak Fakulti.

Objektif Latihan Industri

Objektif umum latihan industri ialah untuk mendedahkan pelajar kepada alam pekerjaan supaya mereka mendapat pengalaman dan kefahaman pekerjaan melalui tunjuk ajar dan bimbingan pihak organisasi.

Objektif Khusus

1. Mengorientasikan pelajar kepada alam pekerjaan khususnya dalam bidang pembangunan sumber manusia.

2. Mendedahkan pelajar kepada pengalaman dan pengetahuan yang tidak boleh diperoleh di bilik kuliah.

3. Memperkenalkan dan memberi pendedahan kepada pelajar tentang isu pengurusan dan pembangunan sumber manusia di berbagai peringkat dalam organisasi.

4. Membentuk ciri-ciri positif dalam diri pelajar seperti kepimpinan, kemahiran berkomunikasi, berinovatif dan yakin melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam organisasi.

Penilaian oleh Penyelia

Laporan oleh penyelia akan dibuat berdasarkan kriteria berikut:

1. ***Komunikasi***

   Keupayaan pelajar menyampaikan ide melalui lisan dan penulisan secara tersusun dan berkesan

2. ***Penampilan***

   Keupayaan pelajar menyesuaikan diri dengan keadaan (sosial dan profesional) dalam perhubungan dengan orang lain di tempat latihan iaitu kakitangan, pegawai atasan dan pelanggan.

3. ***Rupa diri***

   Diukur dari segi ciri-ciri fizikal (lahiriah yang dipamerkan) seperti pakaian, rambut dan kebersihan diri.

4. ***Keakuran***

   Kesanggupan pelajar menepati segala keperluan dan peraturan yang ditetapkan oleh agensi dan Fakulti.

5. ***Kesungguhan***

fakulti sains kognitif dan pembangunan manusia 2006

Dilihat dari segi minat yang ditunjukkan oleh pelajar dalam melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan.

6. ***Keyakinan diri***

   Kesanggupan pelajar melaksanakan tugas, menyuarakan pendapat tanpa rasa takut dan teragak-agak.

7. ***Inisiatif***

   Diukur dari segi keinginan dan kesanggupan pelajar mempelajari sesuatu tugas tanpa mengharapkan terlalu banyak arahan.

8. ***Pengetahuan***

   Keupayaan pelajar melaksanakan tugas seperti yang diharapkan.

9. ***Hasil tugas***

   Kemampuan pelajar menghasilkan kualiti kerja mengikut piawai yang ditetapkan. Seseorang pelajar yang diberi nilaian "tidak memuaskan" dikehendaki supaya mengulang latihan industrinya.

Faedah Kepada Organisasi

Latihan industri turut memberi manfaat kepada organisasi. Di antaranya:

1. Mempercepatkan perlaksanaan tugas pada kos yang minimum.
2. Mendapatkan pandangan pelajar ke atas pelaksanaan sesuatu tugas.
3. Memberi peluang organisasi mengenal pasti kemampuan pelajar untuk diserapkan sebagai tenaga kerja organisasi pada masa hadapan.
4. Menjalin hubungan dengan Fakulti khasnya dan universiti amnya.

Peranan Pelajar

1. **Disiplin**

   Pelajar hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh agensi dan menyesuaikan diri dengan suasana pekerjaan.

2. **Pembentukan Peribadi**

   Pelajar hendaklah menganggap latihan industri sebagai peluang untuk membentuk peribadi dan sikap positif terhadap kerja dan mengendalikan kerja secara profesional.

3. **Laporan**

   Pelajar mesti merekodkan buku log pada setiap minggu sepanjang latihan untuk dijadikan bahan penulisan laporan. Pelajar perlu berbincang dengan penyelia untuk memastikan ketepatan penulisan laporan.

Penilaian

Semua pelajar yang menjalani latihan industri akan dinilai. Penilaian dibuat berdasarkan kepada:

1. Laporan prestasi oleh penyelia di organisasi di mana pelajar menjalani latihan.
2. Laporan oleh pensyarah yang melawat organisasi berkenaan.
3. Catatan aktiviti di dalam buku log.
4. Laporan bertulis latihan industri yang disediakan oleh pelajar.

Nota: Empat punca markah diharap akan memberi satu sistem pengimbang tara yang jitu dan adil

Pengagihan markah penilaian prestasi latihan industri adalah seperti berikut:

a. Penilaian penyelia organisassi	**40%**
b. Penilaian pensyarah	**30%**
c. Catatan aktiviti di dalam buku log (perlu disahkan oleh penyelaras di organisasi)	**10%**
d. Laporan akhir latihan industri dari pelajar	**20%**
Jumlah	**100%**

(Sila rujuk kepada Penyelaras Latihan Industri untuk maklumat lanjut)

C. Internship Program Kaunseling

Internship merupakan satu kursus teras yang bertujuan mendedahkan pelajar ke alam pekerjaan. Melalui kursus ini, pelajar diharap mendapat pengetahuan, pengalaman dan kemahiran dengan tunjuk ajar serta bimbingan pihak organisasi. Kursus ini berlangsung selama 18 minggu dan diadakan pada tahun keempat pengajian. Pelajar akan ditempatkan di organisasi yang bersesuaian di seluruh Malaysia.

Objektif

- Mengetahui pelbagai fungsi dan proses pengurusan organisasi.
- Mengetahui isu dan masalah pembangunan dan pengurusan sumber manusia di pelbagai peringkat dalam organisasi.
- Merancang aktiviti kaunseling yang diperlukan oleh para pekerja dalam organisasi.
- Mempraktikkan pendekatan, kaedah dan teknik kaunseling yang telah dipelajari dalam situasi yang sebenar.
- Menghayati tanggungjawab dan peranan sebagai seorang kaunselor profesional.
- Memupuk keyakinan dalam menjalankan sesi kaunseling di organisasi.
- Membentuk sikap, personaliti dan tingkah laku yang positif.

kuliah sains kognitif dan pembangunan manusia 2006/07

Faedah Kepada Organisasi

- Membantu organisasi dalam mengenal pasti isu dan permasalahan pekerja.
- Memberi kesedaran kepada organisasi tentang faedah program sokongan pekerja sebagai satu strategi menjaga kebajikan pekerja.
- Membantu organisasi merangka dan mengendalikan program pencegahan dan pembangunan diri pekerja.
- Memberi peluang organisasi mengenal pasti potensi kaunselor pelatih sebagai seorang pekerja yang bertanggungjawab.
- Menjalin hubungan dengan fakulti khasnya dan universiti amnya.

Sumbangan Yang Boleh Diberikan Oleh Pelajar

- Penilaian keperluan berkaitan masalah dan isu di kalangan pekerja.
- Intervensi berdasarkan masalah yang dikemukakan.
- Program pendidikan dan pencegahan
- Kaunseling individu
- Kaunseling kelompok
- Cadangan penubuhan Program Sokongan Pekerja dan aktiviti berkaitan dengannya.

Penilaian

Kaunselor pelatih akan dinilai berdasarkan:

A. Penilaian **Penyelia Internship**	**80%**
1. Kaunseling individu	**15**
2. Kaunseling kelompok	**15**
3. Aktiviti bimbingan	**15**
4. Pengurusan dan pentadbiran	**5**
5. Kompilasi aktiviti internship	**10**
6. Sahsiah dan kesungguhan	**10**
7. Orientasi organisasi (O2)	**10**
B. Penilaian **Penyelaras Agensi** Penilaian ini berdasarkan pengetahuan, sikap, sahsiah dan kesungguhan yang ditunjukkan pelajar sepanjang internship	**20%**
JUMLAH	**100%**

(Sila rujuk Panduan Internship untuk maklumat lanjut)

D. Latihan Mengajar

Kursus Latihan Mengajar memberi peluang kepada guru pelatih untuk mengaplikasikan pengetahuan dan '*repertoire*' yang telah dipelajari ke situasi pembelajaran sebenar di sekolah. Mereka juga berpeluang menilai dan membuat refleksi tentang kekuatan dan kelemahan dalam merancang pengajaran, membina bahan pengajaran dan pembelajaran, menyampai pengajaran, mengurus bilik darjah dan pelbagai aspek lain yang perlu diambil kira dalam menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Sepanjang tempoh latihan mengajar, guru pelatih akan dibimbing dan diselia oleh guru pembimbing dan pengetua di sekolah dan juga penyelia universiti. Bimbingan dan penyeliaan ini adalah bertujuan untuk memberikan maklum balas berterusan terhadap proses pengajaran yang telah dirancang dan disampaikan untuk mempertingkatkan lagi kemahiran mereka dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Objektif Latihan Mengajar

Kursus Latihan Mengajar mempunyai objektif berikut:

i. Memberi pelajar pendedahan kepada suasana pengajaran pembelajaran sebenar di sekolah

ii. Membolehkan pelajar mengenali dengan lebih dekat fungsi dan peranan pentadbiran sekolah

iii. Memberi pelajar peluang mengaplikasikan dan mempraktikkan pelbagai pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dalam bidang pengkhususan masing-masing

iv. Menilai keberkesanan pelajar dalam menguruskan bilik darjah dan mengendalikan perkara-perkara berkaitan motivasi dan masalah pembelajaran di sekolah.

v. Memberi pelajar bimbingan dan maklum balas kepada terhadap proses mereka bentuk, penyampaian dan penilaian proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Tempoh

Kursus Latihan Mengajar dijalankan selama 10 minggu pada antar sesi tahun ketiga pengajian. Tarikh mula dan akhir adalah ditetapkan oleh Jawatankuasa Latihan Mengajar (JKLM), Program Pendidikan dan dimaklumkan kepada pelajar pada pertengahan semester kedua sesi pengajian tahun ke-3. Pelajar mesti mengikuti kursus Latihan Mengajar sepanjang tempoh yang ditetapkan.

Syarat Latihan Mengajar

Kursus Latihan Mengajar adalah kursus teras yang wajib diambil oleh pelajar bagi memenuhi syarat bergraduat. Berikut adalah syarat penting tentang Latihan Mengajar yang perlu diberi perhatian oleh pelajar:

i. Pelajar yang tidak menghadiri Latihan Mengajar selama tempoh 7 hari berturut-turut sama ada atas sebab kesihatan atau lain-lain disifatkan sebagai tidak memenuhi syarat kursus dan mesti mengulang semula pada antar sesi akan datang.

ii. Pelajar yang tidak dapat mengikuti Latihan Mengajar atas sebab-sebab tertentu selepas keputusan penempatan dimaklumkan hendaklah menulis surat kepada Dekan memaklumkan perkara tersebut.

iii. Pelajar yang ingin menangguhkan Latihan Mengajar atas sebab kesihatan (kemalangan) atau sebab-sebab lain mesti memaklumkan kepada Dekan secara bertulis dan adalah tertakluk kepada kelulusan Dekan. Permohonan penangguhan mestilah dikemukakan selewat-lewatnya 3 minggu sebelum Latihan Mengajar bermula.

iv. Pelajar perlu mendaftar kursus Latihan Mengajar pada minggu pra-pendaftaran di penghujung semester kedua tahun pengajian ke-3. Pengesahan pendaftaran akan dilakukan oleh JKLM.

Tanggungjawab Pelajar

Sepanjang tempoh Latihan Mengajar pelajar adalah tertakluk sepenuhnya kepada peraturan dan arahan yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Pelajar diingatkan untuk mematuhi peraturan dan arahan yang telah ditetapkan dan pada setiap masa menunjukkan perlakuan yang sejajar dengan etika perguruan. Pelajar juga diingatkan untuk sentiasa menjaga nama baik dan imej UNIMAS sewaktu menjalani latihan mengajar di sekolah.

Melapor diri

Pelajar mesti melapor diri kepada pengetua sekolah masing-masing pada hari pertama Latihan Mengajar. Berikut adalah perkara-perkara yang perlu dilakukan semasa melapor diri ke sekolah:

i. Memaklumkan kepada pengetua butiran diri seperti alamat, nombor telefon dan maklumat lain yang diperlukan oleh pihak sekolah untuk rujukan.

ii. Mendapatkan maklumat dan arahan mengenai tugas dan tanggungjawab sebagai guru di sekolah.

iii. Memastikan semua maklumat berkenaan tugasan dan tanggungjawab difahami dengan jelas dan mengajukan sebarang kemusykilan kepada pengetua atau guru pembimbing dengan segera.

iv. Mendapatkan maklumat yang lengkap tentang sekolah dari segi organisasi, kemudahan, dan urusan pentadbiran yang berkaitan.

fakulti sains kognitif dan pembangunan manusia 2006/07

Kehadiran di sekolah

Pelajar mesti menghadirkan diri di sekolah tepat pada masa pada setiap hari. Pelajar juga mesti hadir pada setiap acara atau majlis yang dianjurkan oleh pihak sekolah kecuali setelah mendapat kebenaran untuk tidak hadir daripada pengetua. Pelajar mesti menghubungi sekolah sekiranya lewat hadir di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Pelajar tidak dibenarkan sama sekali untuk meninggalkan sekolah semasa waktu persekolahan kecuali setelah mendapat kebenaran daripada pengetua.

Sekiranya pelajar tidak dapat hadir ke sekolah atas sebab-sebab kesihatan, pelajar perlu memaklumkan perkara ini kepada pengetua/pentadbir dan juga kepada penyelia universiti dengan segera. Sijil sakit daripada klinik kerajaan mestilah dikemukakan kepada pengetua/pentadbir dan salinannya diserahkan kepada penyelia universiti apabila mereka menjalankan sesi penyeliaan pelajar. Sekiranya pelajar perlu mengambil cuti atas sebab-sebab lain, pelajar mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada pengetua dan setelah kebenaran diperoleh memaklumkannya kepada penyelia universiti

Penglibatan dalam Kegiatan/Aktiviti di Sekolah

Pelajar adalah digalakkan untuk melibatkan diri dengan aktif dalam kegiatan/aktiviti ko-kurikulum seperti persatuan, kelab dan sukan semasa di sekolah. Penglibatan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum adalah tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan sekolah tanpa membebankan tugas akademik.

Tanggungjawab Kepada Penyelia Universiti/Maktab

i. Menghantar dua (2) salinan jadual waktu kelas[1], takwim sekolah, senarai tugas dan lain-lain maklumat yang berkaitan kepada penyelia selewat-lewatnya pada Hari Isnin, minggu kedua Latihan Mengajar (satu salinan akan diserahkan kepada JKLM untuk rujukan).

ii. Memaklumkan kepada penyelia sekiranya terdapat sebarang pindaan jadual waktu atau apa-apa perubahan pada takwim sekolah, seperti minggu peperiksaan, hari sukan, cuti dan sebagainya.

Penilaian Latihan Mengajar

Seperti mana semua kursus lain di universiti, kursus Latihan Mengajar juga mempunyai bahagian penilaiannya sendiri. Walaupun antara objektif utama Latihan Mengajar adalah untuk memberi pendedahan kepada guru pelatih tentang situasi sebenar pengajaran dan pembelajaran di sekolah, namun aspek penilaian adalah penting bagi mengukur persediaan, kesesuaian dan keberkesanan pengajaran yang dijalankan sepanjang tempoh Latihan Mengajar. Penilaian kursus Latihan Mengajar juga dilakukan bagi memenuhi kriteria bergraduat universiti bagi seseorang pelajar.

[1] Bilangan minima waktu mengajar bagi subjek pengkhususan adalah 10 dan bilangan maksima 12 seminggu. Pengajaran subjek lain dari bidang pengkhususan adalah bergantung kepada keperluan pihak sekolah.

Hasil dari kajian dan pembangunan manual 2006/07

Objektif Penilaian

Penilaian yang dibuat semasa Latihan Mengajar adalah bertujuan untuk menilai kebolehan dan prestasi pelajar dalam perkara berikut:

i. Menyampaikan pengajaran dengan yakin dan berkesan serta mencapai objektif pengajaran yang telah ditetapkan

ii. Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di universiti ke situasi sebenar pengajaran dan pembelajaran di sekolah

Sistem Penilaian

Penilaian pelajar dilakukan oleh:

i. Penyelia Universiti/Maktab

ii. Guru Pembimbing

iii. Pengetua Sekolah

Penilaian oleh penyelia universiti/maktab, guru pembimbing dan pengetua adalah berdasarkan kriteria berikut:

Penyelia Universiti/ Maktab/ Guru Pembimbing	Pengetua
• Persediaan Pengajaran	• Hubungan Dengan Pihak Sekolah
• Keterampilan/Penampilan Diri	• Penglibatan (Aktiviti Sekolah/Ko-kurikulum)
• Perlaksanaan Pengajaran	• Sikap/Sahsiah

Pelajar yang mendapat gred F bagi kursus Latihan Mengajar mesti mengulang kursus ini pada antar sesi berikutnya.

(Sila rujuk manual Latihan Mengajar untuk maklumat lanjut)

PANDUAN PEPERIKSAAN

Maklumat Am

Peperiksaan terbahagi kepada dua bahagian:

1. Peperiksaan formatif
   - Kerja kursus **30 – 50%** yang mengandungi di dalamnya kuiz, tugasan dan esei.
   - Penilaian berterusan **20 – 30%** yang terdiri dari ujian pertengahan, ujian berterusan atau seumpamanya.

2. Penilaian sumatif
   - Peperiksaan akhir semester **30 – 50%**

Kelayakan Untuk Menduduki Peperiksaan

1. Pelajar hanya layak menduduki peperiksaan sekiranya berstatus pelajar dan mendaftar kursus-kursus yang ditawarkan pada berkenaan. Syarat-syarat yang melayakkan mengikuti peperiksaan boleh dirujuk di dalam buku 'Peraturan Akademik Pengajian Ijazah Sarjana Muda' UNIMAS.

2. Pelajar yang tidak memenuhi syarat dalam perkara 9 sistem penilaian di dalam buku 'Peraturan Akademik Pengajian Ijazah Sarjana Muda' akan dihalang menduduki peperiksaan

   Pelajar yang masih berhutang dan kehadiran ke kuliah kurang dari 80% akan dihalang dari menduduki peperiksaan.

3. Pelajar yang layak untuk menduduki peperiksaan akan diberi 'Slip Menduduki Peperiksaan' oleh Universiti sebagai bukti yang menyatakan mereka layak untuk mengikuti peperiksaan sesuatu kursus.

Soalan Peperiksaan Dan Skrip Jawapan

Soalan peperiksaan akan disediakan oleh Pensyarah yang mengendalikan sesuatu kursus. Pensyarah tersebut dilantik oleh Dekan/T. Dekan/Ketua Program bagi mengajar sesuatu kursus itu. Soalan peperiksaan mestilah mengikut Format kertas peperiksaan yang telah ditetapkan.

Arahan Kepada Calon Peperiksaan

Arahan Umum

1. Calon peperiksaan adalah pelajar yang mendaftar secara rasmi bagi sesuatu kursus. Pelajar tersebut sahaja yang dibenarkan untuk menduduki peperiksaan kursus yang didaftar.
2. Calon adalah dinasihatkan membaca Jadual Waktu Peperiksaan secara berhati-hati. Sebarang perubahan arahan atau perubahan Jadual Waktu Peperiksaan dan lain-lain akan dipaparkan di papan kenyataan Universiti.
3. Bagi membolehkan calon dibenarkan menduduki peperiksaan sesuatu kursus, calon dikehendaki memiliki:
   - Kad Pelajar

Teknologi Maklumat Kognitif dan pembangunan manusia 2006/07

- Slip Pengesahan Peperiksaan

4. Calon tidak dibenarkan menduduki peperiksaan sesuatu kursus jika calon datang terlambat 30 minit selepas peperiksaan bermula

5. Calon dikehendaki berpakaian kemas seperti yang ditetapkan oleh Universiti dan masuk ke dewan peperiksaan dengan tertib.

Peraturan Menduduki Ujian

Walaupun pihak fakulti mengamalkan proses penilaian berterusan namun kehadiran pelajar dalam peperiksaan akhir adalah wajib. Pelajar yang tidak menduduki peperiksaan akhir kursus adalah dikira gagal dalam kursus tersebut. Oleh itu para pelajar seharusnya mengetahui peraturan-peraturan ujian ataupun peperiksaan yang diterima pakai oleh pihak fakulti semasa menduduki ujian untuk mengelakkan sebarang kekeliruan. Peraturan-peraturannya adalah seperti berikut:

Sebelum Ujian

1. Membawa masuk kad matriks/kad pengenalan bersama alat tulis (pen, pensi, pembaris, dan mesin kira) sahaja. Dokumen yang disahkan oleh pengawas sahaja dibenarkan dibawa masuk oleh pelajar atau diedarkan oleh pengawas kepada pelajar. Barang-barang selain daripada di atas hendaklah diletakkan di tempat yang telah ditetapkan oleh pengawas.

2. Menghadirkan diri tepat pada waktu yang ditetapkan. Pelajar yang lewat tidak akan diberi masa tambahan. Pelajar yang lewat daripada setengah jam (30 minit) tidak dibenarkan masuk ke bilik ujian.

3. Masuk ke bilik ujian apabila mendapat isyarat daripada pengawas yang bertugas.

Semasa Ujian

1. Mempamerkan kad matriks/kad pengenalan dan menandatangani senarai kehadiran yang diedarkan.

2. Menulis nombor matriks dan nama/kod kursus di atas setiap kertas jawapan yang digunakan.

3. Mengangkat tangan untuk berhubung dengan pengawas yang bertugas. Pelajar tidak dibenarkan berhubung di antara satu sama lain sepanjang ujian dijalankan.

4. Meninggalkan bilik ujian hanya dibenarkan selepas setengah jam (30 minit) ujian bermula. Pelajar tidak dibenarkan meninggalkan bilik ujian setengah jam (30 minit) sebelum ujian berakhir.

5. Berhenti menulis selepas isyarat tamat ujian diberikan oleh pengawas bertugas, dan memastikan kertas jawapan dikelipkan oleh pengawas bertugas.

6. Meninggalkan bilik ujian setelah skrip jawapan dikumpulkan.

7. Semasa ujian sedang dijalankan pelajar tidak digalakkan keluar.

8. Pelajar yang didapati meniru atau membolehkan orang lain meniru akan diambil tindakan mengikut peraturan peperiksaan yang sedia ada (rujuk Buku Peraturan Akademik UNIMAS).

PERATURAN AKADEMIK UNIMAS

Semua pelajar adalah tertakluk kepada peraturan akademik UNIMAS. Untuk maklumat lanjut, *sila rujuk epada Buku Peraturan Akademik UNIMAS.*

Kod Pakaian Pelajar

Pelajar dikehendaki menjaga nama baik UNIMAS dengan mempamerkan penampilan diri, berpakaian kemas dan segak bersesuaian dengan status sebagai seorang pelajar UNIMAS. Kod berpakaian pelajar UNIMAS yang diwartakan adalah seperti berikut :

1. Pakaian untuk kuliah (lelaki)
   - Kemeja dimasukkan ke dalam seluar
   - Seluar panjang
   - Kasut
   - Stoking
   - Memakai kad pelajar
   - Rambut Kemas
2. Pakaian untuk kuliah (perempuan)
   - Selesa dan sopan
3. Kasut
4. Memakai kad pelajar
5. Rambut Kemas

Nota : Pelajar **tidak dibenarkan** memakai seluar sukan, selipar dan baju tidak berlengan (*sleveless*)

fakulti sains kognitif dan pembangunan manusia 2006/07

SISTEM MENTOR-MENTEE

Pengenalan

Program mentor-mentee telah diperkenalkan di UNIMAS sejak tahun 1994, terutama di FSKPM. Oleh sebab Fakulti mempercayai bahawa sistem mentoring dapat membantu pelajar dalam mencapai kecemerlangan akademik di samping mengukuhkan keperibadian mereka, maka program mentor-mentee diperteguhkan dengan menyediakan garis panduan bagi mentor mengikutinya dan dijalankan secara formal dan teratur.

Rasional

Tugas mentor bukan setakat menjalinkan hubungan yang baik dengan mentee tetapi lebih daripada itu. Mentor hendaklah memperlengkapkan diri mereka dengan latihan, ilmu pengetahuan serta alat yang berupa aktiviti yang dapat membantu mereka dalam proses mentoring ini.

Walaupun andaian mengatakan bahawa pelajar institusi pengajian tinggi telah dewasa dan berupaya mendorong diri, mereka adalah golongan muda yang masih memerlukan bimbingan dan panduan orang dewasa yang mengambil berat tentang diri mereka. Kepelbagaian cabaran dalam hidup di peringkat awal dewasa, menyediakan pelajar dengan tekanan dan desakan yang menguji keupayaan mereka. Dalam suasana pembelajaran yang mencabar dan kompetitif pelajar terdedah dengan pelbagai maklumat yang sudah tentu memerlukan kebijaksanaan mereka untuk memilih maklumat yang berguna. Sistem mentor-mentee boleh membantu dalam proses pemilihan tersebut. Pelajar pada masa kini bukan sahaja menghadapi masalah berkaitan akademik tetapi juga menghadapi masalah yang terbit dan berpunca daripada faktor luaran.

Oleh itu pelajar memerlukan panduan dari individu yang lebih berpengalaman untuk mendorong dan membimbing mereka. Ini merupakan satu cara yang boleh dilakukan melalui program mentor-mentee yang teratur. Pensyarah diminta menjadi mentor dengan bertanggungjawab terhadap sebilangan pelajar dalam program mereka.

Objektif program mentoring

- Menyumbang kepada pembangunan kendiri (*personal development*) pelajar
- Membantu pelajar mengenal dan menilai diri sendiri
- Menyedarkan pelajar tentang potensi diri
- Melatih pelajar agar berdikari dan mampu mengurus diri (*self management*)
- Membantu pelajar mengatasi masalah komunikasi
- Membantu pelajar dalam membuat keputusan
- Menggalakkan pelajar bersikap lebih terbuka
- Menggalakkan pelajar untuk berfungsi sebagai individu yang bertanggungjawab
- Memberi peluang kepada pelajar meluahkan perasaan

fakulti sains kognitif dan pembangunan manusia 2006/07

Hari Mentor-Mentee

Amalan di FSKPM, hari mentor-mentee diadakan pada setiap awal semester. Pada hari tersebut, para pelajar akan berjumpa mentor masing-masing. Antara aktiviti yang diadakan pada hari tersebut adalah penganugerahan Sijil Dekan oleh Dekan fakulti dan ceramah motivasi oleh salah seorang pensyarah. Selepas majlis di atas selesai, sesi mentoring akan dijalankan di tempat yang telah diatur oleh pihak pengurusan fakulti. Pada masa yang sama, para mentor akan mengadakan sesi mentoring mereka yang pertama untuk para pelajar baru. Sesi mentoring ini akan turut disertai oleh para pelajar lama.

Pada hari mentor-mentee ini, pelajar diberi secara peribadi keputusan peperiksaan pada semester lepas untuk dilihat dan akan dibincangkan dengan mentor secara berkumpulan atau secara peribadi.

Perjumpaan Mentor-Mentee

Untuk memastikan sistem mentor-mentee ini berjalan dengan teratur, hari Sabtu kedua setiap bulan dijadikan sebagai hari perjumpaan mentor-mentee. Dengan ini pelajar dapat berjumpa secara berkumpulan dengan mentor sekurang-kurangnya sekali sebulan. Walaupun perjumpaan mentor-mentee ditetapkan, pelajar perlulah mengambil inisiatif datang berjumpa dengan mentor untuk berbincang mengenai isu atau masalah peribadi, akademik atau hal-hal lain, sama ada secara individu atau kelompok.

Pihak Fakulti telah menyediakan beberapa borang yang perlu diisi oleh mentor seperti Borang Laporan Perjumpaan Mentor- Mentee, dan Borang Aduan Pelajar. Sekiranya pelajar mengemukakan sebarang isu yang perlu diambil tindakan oleh Fakulti, maka mentor akan mengisi Borang Aduan Pelajar untuk dihantar kepada pihak pengurusan supaya tindakan segera dapat diambil.

Bidang Tugas Mentor Dan Mentee

Sebagai panduan mentor dan mentee, pihak pengurusan telah menyediakan senarai tugas bagi mentor, mentee dan pihak pengurusan seperti jadual di bawah.

Tugas	Mentor	Mentee
Akademik	• Prihatin terhadap perkembangan mentee (kehadiran kuliah, prestasi akademik dan perancangan akademik) • Bertanggungjawab menyerahkan slip keputusan kepada mentee. • Rujukan maklumat bagi Lembaga Pemeriksa dan Lembaga Rayuan Fakulti. • Perantara antara mentee dan pihak pengurusan universiti/fakulti. • Memberi dan memastikan borang berkaitan diisi oleh mentee. • Menjadi referee kepada mentee.	• Bertanggungjawab berjumpa mentor apabila menghadapi masalah pembelajaran dan perancangan akademik serta masalah peribadi • Berjumpa dengan mentor untuk mengambil slip keputusan peperiksaan. • Wajib hadir Hari Mentor-Mentee.
Kerjaya	• Menjelaskan prospek dan pemilihan kerjaya yang bersesuaian.	• Mentee digalakkan menemui mentor dalam hal berkaitan kerjaya dan perancangan masa hadapan
Pembangunan Sahsiah	• Menjadi rujukan kepada Pejabat Dekan dalam kes disiplin mentee. • Membantu mentee menangani cabaran peribadi dengan berkesan. • Memaklumkan kepada mentee kursus/ program/ aktiviti pembangunan sahsiah. • Merujuk masalah mentee kepada individu/ kaunselor yang sesuai atas persetujuan mentee.	• Mentee digalakkan berbincang dengan mentor sekiranya memerlukan bantuan dalam masalah peribadi. • Bersedia untuk belajar mengubah sikap dan tingkah laku agar lebih positif.

YURAN PENGAJIAN

BUTIR-BUTIR YURAN SEMESTER 1 SESI 2006/2007

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

Butir-butir Yuran (RM)	Pembangunan SumberManusia & Sains Kognitif & Kaunseling
Yuran Tidak Berulang	275.00
Takaful	6.00
Pengajian	660.00
Kesihatan	25.00
Makmal	50.00
Tabung Kebajikan	5.00
Senggang	25.00
Pengangkutan	30.00
Penginapan	414.00
Jumlah (RM)	**1490.00**

BANTUAN KEWANGAN

Beberapa jenis tabung wujud di UNIMAS untuk membantu pelajar dari segi kewangan dan kebajikan. Untuk maklumat lebih lanjut, sila berhubung dengan Pusat Pemajuan Pelajar.

Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi UNIMAS



Prof Dr. Abdul Rashid Abdullah
Naib Canselor



Prof Dr. Mohd Azib Salleh
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Pengantarabangsaan)



Prof Dr. Khairuddin Ab. Ham
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajat dan Alumn



Prof Dr. Murtedza Mohamed
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)



Prof Dr. Hamsawi Sani
Pendaftar



Margaret Simeng
Ketua Pustakawan



Tuan Hj Mazlan Kiflie
Bendahari

Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

Nama	Samb. Tel	Lokasi Paras	E-mel
Dekan			
Dr. Shahren Ahmad Zaidi Adruce Ph.D Information Transfer (Syracuse University, USA) Masters Telecommunications & Network Management (Syracuse University, USA), Certificate in University Teaching (Syracuse University, USA), Diploma (Library and Info Science) UiTM	1569	3	azshahren@fcs.unimas.my
Timbalan - Timbalan Dekan			
Dr. Rusli Ahmad (Prasiswazah & Pemajuan Pelajar) Ph.D Human Resource Management (University of Bradford, UK), Diploma in Research Methodology (University of Bradford, UK) Master of Management (UPM), B.A Anthropology and Sociology (Hons) (UKM) Diploma in Education (UKM)	1568	3	arusli@fcs.unimas.my
En. Shafiq Fikri Abdullah@ Lee Nung Kion (Pasacsiswazah & Penyelidikan) M.Sc Computer Science (La Trobe), B.Sc Computer Science (UPM)	1572	3	nklee@fcs.unimas.my
Ketua Jabatan Pembangunan Sumber Manusia			
En. Abdul Halim Hj Busari M.A Strategic Management (Nottingham, UK) B.Sc (Hons) Human Resource Development (UNIMAS)	1558	3	bhalim@fcs.unimas.my
Ketua Jabatan Kaunseling			
En. Rizal Abu Bakar M Psychology Counselling (Monash University, Australia), B.Hsc Psychology (Hons) (IIU, Malaysia)	1559	3	abrizal@fcs.unimas.my
Ketua Jabatan Sains Kognitif			
Pn. Kartini Abd Ghani M.Sc Artificial Intelligence (University of Georgia, USA), B.A (Hons) Psychology (Nottingham, UK)	1560	3	gkartini@fcs.unimas.my
Penyelaras Program Komersil			
Dr. Azman Ismail Ph.D in Commerce (Murdoch University, Australia) M.Sc Public Administration (UM), B.A (Hons) (USM)	1521	2	iazman@fcs.unimas.my
Staf Akademik			
Profesor Datin Dr. Napsiah Mahfoz Ed.D Educational Management (British Columbia) M.Ed (Hawaii) B.A (MALAYA)	1563	3	mnapsiah@fcs.unimas.my

fakulti sains kognitif dan pembangunan manusia 2006/07

Diploma in Education (MALAYA)			
Profesor Dr. Peter Songan Ph.D Adult, Extension and Continuing Education (Cornell University) M.S Extension Education (Louisiana State University) B.S Plant and Animal Protection (Lousiana State University) Diploma Agriculture (UPM)	3688		songan@fcs.unimas.my
Prof. Madya Zuraidah Abdul Rahman, AMN M.Ed Guidance and Counseling (Indiana), B.A Literature (UM)	1530	3	arzurai@fcs.unimas.my
Dr. Hasbee Hj. Usop, ABS Ed.D. Human Resource Development (Training & Development) (University Bristol, UK) M.Ed Testing & Assessment (University Bristol, UK) B.Sc (Hons) Zoology (UM) Diploma Education Biology (Major) Geography (Minor) (UM)	1519	2	uhasbee@fcs.unimas.my
Dr. Hong Kian Sam Ph.D (University of Otago) M.Ed (USM) B.Sc dengan Pendidikan (Kepujian Kelas Pertama) (USM)	1522	2	hksam@fcs.unimas.my
Dr. Tan Kock Wah Ph.D Science (UM) M.Economics (UM) B. Business Administration (UM)	n/a	2	kwtan@fcs.unimas.my
Dr. Chen Chew Jen Ph.D (Instructional Design and Technology) (USM) M.Sc (Computer Graphics and Virtual Environments) (University of Hull, UK) B.Sc in Science (Maths) and Computer with Education (1st Class Honours) (UTM, Malaysia)	1542	2	cjchen@fcs.unimas.my
Dr. Ng Giap Weng Ph.D Advance Interactive and Behavioral Technology (Salford University, UK) B.Sc (Hons.) Cognitive Science (UNIMAS)	1548	2	gwng@fcs.unimas.my
Dr. Teh Chee Siong Ph.D Artificial Neural Networks (USM) M.Sc Computer Graphics and Virtual Environments (University of Hull, UK) B.Sc in Science (Physics) and Computer with Education (UPM)	1538	2	csteh@fcs.unimas.my
Dr. Sopian Bujang Ph.D Human Resource Management (UUM) M.A Industrial and Organisational Psychology (UKM) B.Sc (Hons) Psychology (IIU, Malaysia)	n/a	2	bsopian@fcs.unimas.my
D'oria Islamiah Rosli M.Sc Computer Science, (University Of	1535	2	rdoria@fcs.unimas.my

Western Australia) B.Sc. (Hons) Cognitive Science, (UNIMAS)			
Elaine Khoo Guat Lien M.A Pscyhology (Cognitive Science), Vanderbilt University, USA B.Ed (Hons) (Guidance & Counsellling), (UPM)	1516	2	glkhoo@fcs.unimas.my
Fatahyah Yahya M.A Counselling (UM) B.A (Hons) (IIU, Malaysia)	n/a	2	yfatahyah@fcs.unimas.my
Jamayah Saili M.A Counseling Psychology (Western Michigan, USA) B.Sc. Psychology (IIU, Malaysia)	1541	2	sjamayah@fcs.unimas.my
Julia Lee Ai Cheng M. Sc Educational Psychology (Wisconsin-Madison, USA) B.Sc Computer Science (Staffordshire, UK)	3701		aclee@fcs.unimas.my
Mai Sumiyati Ishak M.Sc Computer Science (University of Hull, UK) B.Sc (Hons) Psychology (IIU, Malaysia)	1549	2	imaisumi@fcs.unimas.my
Mohammad Hossin MSc in Computer Science (AIA) (Essex University, UK) B.IT (Hons) (UUM)	1529	2	hmohamma@fcs.unimas.my
Mohammad Nur Azhar Mazlan M.Ed. Educational Technology (UTM) B.Sc. (Hons) HRD (UNIMAS) Diploma in Marketing (Politeknik)	1518	2	mmnazhar@fcs.unimas.my
Mohd. Kamal Othman M.Sc Virtual Environment (University of East Anglia, UK) B.Sc (Hons) Cognitive Science (UNIMAS)	1547	2	omkamal@fcs.unimas.my
Norehan Zulkiply M.Sc Cognitive Psychology (University of Sussex, UK) B.Sc (Hons) Cognitive Science (UNIMAS)	1544	2	znorehan@fcs.unimas.my
Noorshah Mohd Salleh M.Ed Mathematics Education (Boston University, USA) B.A Mathematics (SUNY Binghampton, USA)	1517	2	msnoor@fcs.unimas.my
Nur Fatihah Mat Yusoff M.Sc Statistics (UKM) B.Sc Statistics (UKM)	1532	2	mynfatihah@fcs.unimas.my
Salmah Mohd. Yusoff M.Sc Guidance and Counseling (UPM) B.Ed Guidance and Counseling (UPM)	1531	2	mysalmah@fcs.unimas.my
Shaziti Aman M.A Learning Sciences (Northwestern University, USA) B.Ed TESL (Hons) (UM)	1550	2	ashaziti@fcs.unimas.my
Surena Sabil M.B Quality Management (Western Sydney, Australia) B.Sc Human Development (UPM)	1543	2	ssurena@fcs.unimas.my

fakulti sains kognitif dan pembangunan manusia 2006/07

Wan Norizan Wan Hashim M. Tech Information Technology (RMIT, Australia) B.Sc (Hons) Cognitive Science (UNIMAS)	1533	2	whnoriza@fcs.unimas.my
Hj. Suaidi Hj Otek, PPS M.Ed (Psychology) (Newcastle Upon Tyne, UK) B.Ed (Hons) Pengajian Malaysia/ Bahasa Melayu (UPM) Diploma in Remedial Education/ Special Needs (IPIK, KL) Diploma in Education (IPBL)	1525	2	osuadi@fcs.unimas.my
Pensyarah Cuti Belajar	**Samb. Tel**	**Lokasi Paras**	**E-mel**
Abang Ekhsan Abang Othman M.A Human Resource Management (Griffith University, Australia) B. (Hons) Public Administration (UUM) Diploma Public Administration (UiTM)			aoekhsan@fcs.unimas.my
Philip Nuli Anding M.Sc Human Resource Development (UNIMAS) Postgraduate Certificate of Education (MPP, Pulau Pinang) B.Sc Physics (Sussex, UK)			aphilip@fcs.unimas.my
Mohd Razali Othman M.Sc Computer Science (Bristol, UK) B.Ed Counselling and Guidance (UPM)			orazali@fcs.unimas.my
Zaimuariffudin Shukri Nordin M.A Philosophy of Mind (University of Hull, UK) B.A Islamic Studies (History and Islamic Civilization) (UKM) Certificate in Teaching (Maktab Perguruan Islam)			nzaim@fcs.unimas.my
Zaiton Hassan M.Sc Organisational Psychology (University of Hetfordshire, UK) Post graduate Certificate (Personnel Studies) (University of Hertfordshire, UK) B. Human Development (UPM)			hzaiton@fcs.unimas.my
Norazila Dato' Abd Aziz M.A (Waikato University, New Zealand) B.Ed TESL (Hons) (UPM)			aanora@fcs.unimas.my
Fitri Suraya Mohamad M.A TESL (Pennsylvania State University, USA) B.Ed TESL (Hons) (UPM)			mfitri@fcs.unimas.my
Tutor	**Samb. Tel**	**Lokasi Paras**	**E-mel**
Abg Izhar Abg Ahmad B.Sc (Hons) Human Resource Development (UNIMAS) Diploma Public Administration (UiTM)	1528	2	aaaizhar@fcs.unimas.my
Azzahrah Annuar B. Counselling (UNIMAS) Diploma Human Development (UPM)	1526	2	aazzahrah@fcs.unimas.my

Edris Aden B. Counselling (UNIMAS)	1554	2	aedris@fcs.unimas.my
Nor Mazlina Ghazali B. Counselling (UNIMAS) Diploma Human Development (UPM)	1526	2	gmazlina@fcs.unimas.my
Sazliza Shafi B. Counselling (UM)	1527	2	ssazliza@fcs.unimas.my
Tutor Cuti Belajar	**Samb. Tel**	**Lokasi Paras**	**E-mel**
Ahmad Sofian Shminan B.Sc Computer Science (UPM) Diploma Computer Science (UPM)	n/a		sasofian@fcs.unimas.my

Staf Pengurusan dan Sokongan

No Faks Fakulti: 082-581567

Staf Pengurusan dan Sokongan	Samb. Tel	Lokasi Paras	E-mel
Penolong Pendaftar			
Ahmad Mujid Abdul Wahab	1575	2	mujid@fcs.unimas.my
Penolong Pegawai Tadbir			
Noraida Johdi	1577	2	jnoraida@fcs.unimas.my
Pembantu Khas Dekan			
Azean Ahmad	1570	3	aazean@fcs.unimas.my
Pembantu Khas Timbalan-Timbalan Dekan			
Sabrina Sabri	1571	3	ssabrina@fcs.unimas.my
Pembantu Tadbir (P/O)			
Rabayot Salleh	1576	2	srabayot@fcs.unimas.my
Rahana Sharkawi	1576	2	anas@fcs.unimas.my
Khatijah Darani	1574	2	dkhatijah@fcs.unimas.my
Asfalela Roslie	1573	2	asfalela@fcs.unimas.my
Nur Zulaikha Balqis Abdullah	1573	2	anzbalqis@fcs.unimas.my
Penolong Pegawai Sistem Maklumat			
Rosesima Ikau	1583	2	irosesima@fcs.unimas.my
Juruteknik Komputer			
Razylino Natu	1580	2	nrazylino@calm.unimas.my
Juruteknik AV			
Muhd Faisal Adenan	1581	2	admfaisal@fcs.unimas.my
Pembantu Makmal			
Abg Kamaruddin Abg Saadi	1584	2	asakamaruddin@fcs.unimas.my
Atikah Juma'at	1582	2	jatikah@fcs.unimas.my
Operator Mesin Pemprosesan Data			
Monica Jenek	1578	2	nica@fcs.unimas.my
Suhanawati Brahim	1574	2	ana@fcs.unimas.my
Pembantu Am Rendah			
Hamiruddin Ahmad Zaidi	1578	2	azhamir@fcs.unimas.my

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia 2006/07

SINOPSIS KURSUS

A. SINOPSIS KURSUS TERAS FAKULTI

KMF 1023 Psikologi Kognitif

Kursus ini memberi tumpuan kepada kajian terhadap operasi minda atau kognisi manusia yang melibatkan sistem deria dan persepsi, pengamatan, ingatan, pemahaman dan pemerolehan bahasa dan pemikiran (penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan). Kursus ini juga menyentuh tentang mekanisme otak dalam operasi minda, sistem saraf dan panca indera manusia serta kaitannya dengan (a) model-model pengkomputeran mengenai minda dan otak; dan (b) elemen-elemen kognisi sosial seperti persepsi diri, orang lain, kelompok masyarakat dan persekitarannya. Teori dan elemen-elemen yang terlibat dalam proses kognisi individu dan kognisi sosial juga dibincangkan kerana ianya boleh mempengaruhi kesan *(affect)*, sikap *(attitudes)*, dan tingkah laku *(behaviour)* seseorang dan persepsinya terhadap dunia luar.

KMF 1013 Pengenalan Sains Kognitif

Kursus ini akan meliputi kajian dan persoalan utama tentang kognisi manusia. Bahagian awal kursus merangkumi asas-asas komputasi Psikologi Kognitif dalam Sains Kognitif. Kita bermula dengan mengkaji aspek dan keupayaan kognitif dan keupayaan kognitif yang mudah seperti penglihatan *(vi sion)* dan pengecaman objek *(object recognition)*, beransur kepada pengingatan *(memory)* dan akhirnya kepada keupayaan kognitif yang lebih kompleks seperti bahasa *(language)*, penyelesaian masalah (prob lem sloving) dan kreativiti. Isu-isu falsafah yang membentuk asas kajian-kajian dalam sains kognitif akan dipertimbangkan. Sepanjang kurus ini, tumpuan akan diberikan kepada sumbangan bidang-bidang seperti Neurosains, Falsafah, Linguistik dan Kepintaran Buatan dalam memahami kognisi manusia.

KMF 2013 Asas Statistik

Kursus ini memperkenalkan tatacara statistik yang digunakan dalam bidang kajian sains sosial. Kursus ini juga menekankan aspek-aspek penting kemahiran mengira dan menggunakan statistik dalam menganalisis data kajian bidang sains sosial. Perbincangan kursus merangkumi organisasi dan pemerihalan data, statistik deskriptif, kebarangkalian, statistik inferens, pengujian hipotesis seperti pengujian-t dan anova, korelasi dan teknik-teknik pengujian statistik yang lain

KMF 2033 Pengkaedahan Penyelidikan

Kursus ini merupakan pengenalan untuk pelajar baru dalam bidang penyelidikan. Tujuan kursus ini ialah untuk memberi maklumat asas tentang proses penyelidikan, daripada peringkat formula idea ke pengumpulan, penganalisaan dan interpretasi data. Pelajar akan memperoleh pengetahuan dan kemahiran untuk merancang penyelidikan, menggunakan berbagai metodologi penyelidikan dan mengetahui bagaimana membuat penulisan semula dan menyediakan kertas cadangan penyelidikan. Di samping itu, pendekatan/proses kajian tindakan juga diperkenalkan kepada pelajar. Kajian tindakan merupakan suatu metodologi penyelidikan yang berusaha menangani situasi sosial.

KMF 2043 Kognisi dan Tingkah laku

Kursus ini memperkenalkan peranan kognisi dan persekitaran kerja ke atas tingkah laku manusia. Kursus ini secara spesifik menghubungkaitkan 3 faktor penting iaitu proses kognitif individu dan kumpulan, tingkah laku mereka. Hubungan di antara ketiga-tiga faktor ini sekali gus mempengaruhi prestasi kerja sesebuah organisasi. Skop perbincangan merangkumi; proses kognisi dan tingkah laku individu dan kumpulan; pengaruh persekitaran seperti pengaruh teknologi pada pekerja; kaitannya dengan prestasi kerja dan keberkesanan organisasi.

B. SINOPSIS KURSUS TERAS JABATAN SAINS KOGNITIF

KMK 1013 Neurosains Kognitif

Kursus ini memperkenalkan kaitan sistem dan fungsi otak manusia dengan fungsi dan proses minda. Kursus ini merupakan satu pengenalan yang komprehensif kepada organisasi dan sistem neuro manusia untuk menerangkan keupayaan mental manusia hasil fungsi otak tertentu. Topik yang diperbincangkan meliputi fisiologi sistem saraf manusia, fisiologi sel otak, sistem deria, pengamatan, penanggapan, ingatan, penaakulan, pembuatan keputusan, masa sedar dan luar sedar, tidur dan teknik merekod aktiviti otak dan imejan neuro. Kesan gangguan neurologi akibat strok, kecederaan atau penyakit yang menyerang fungsi kognitif penting seperti fungsi ingatan, persepsi, bahasa, imageri, pemikiran dan tingkah laku juga akan dibincangkan dengan teliti.

KMK 1022 Falsafah Minda

Kursus ini membincangkan isu-isu sains kognitif yang bertapak dari cabang ilmu Falsafah Minda, Falsafah Sains dan Epistemologi. Kursus ini juga turut membincangkan isu-isu berkaitan sejarah minda seperti salasilah konsep minda, permasalahan minda dan fizikal dan pendapat mazhab reductionisme, behaviorisme, cognitivisme, kritik semasa cognitivisme, dualisme, funtionalisme dan aspek fisiologi. Topik-topik khusus menyentuh kajian empirikal seperti *direct perception* dan *coherentisme* dalam teori pembentukan ilmu atau epistemologi juga dibincangkan. Tajuk lain yang dibincangkan termasuklah kesesuaian kepintaran buatan sebagai satu bidang sains kognitif, serta bangkangan tokoh falsafah tertentu terhadap teori kepintaran buatan.

KMK 1052 Kognisi dan Reka bentuk

Kursus ini bertujuan memperkenalkan hubungan antara kognisi dan reka bentuk. Deskripsi secara am mengenai proses reka bentuk dan pembangunan dipertimbangkan berserta dengan pandangan pereka bentuk tentang kedua-dua proses tersebut. Pendekatan kognitif formal dan tidak formal, dari segi garis panduan dan teknik turut dibincangkan. Pendekatan dari segi kebolehgunaan sesuatu produk dan reka bentuk dari segi sosial dan teknikal akan diterangkan dengan menekankan kepada keperluan untuk menerapkan faktor manusia di dalam proses reka bentuk dan pembangunan. Model-model terkini dalam reka bentuk ergonomik akan dibincangkan berserta dengan kajian kes.

KMK 1063 Kalkulus dan Algebra Linear

Kursus ini terdiri daripada dua komponen utama: kalkulus dan algebra linear. Komponen kalkulus melibatkan semua topik berkaitan dengan fungsi, had, keselanjaran, pembezaan dan pengamiran. Contoh aplikasi kalkulus yang berkaitan juga akan diberikan. Komponen algebra linear pula akan memberi penekanan kepada operasi vektor dan matriks, khasnya untuk penyelesaian sistem persamaan linear. Antara topik yang diliputi ialah sistem persamaan linear, operasi penambahan dan pendaraban matriks, matriks songsangan, penentu dan geometri vektor. Aplikasi yang berkaitan juga diberikan.

KMK 2013 Pengaturcaraan Prolog

Kursus ini mendedahkan pelajar tentang logik dan pengkomputeran logik. Tajuk yang dibincangkan meliputi logik usulan, sintak dan semantik logik predikat. Pengenalan kepada bahasa pengaturcaraan Prolog dan penekanan kepada teknik asas yang melibatkan ciri-ciri deklaratif, berprosedur dan kesan sampingan.

KMK 2033 Grafik Komputer

Kursus ini bertujuan memperkenalkan asas teknik simulasi. Kaedah diskrit dan selanjar untuk simulasi akan dibincangkan. Penrekaan adalah kepada simulasi proses-proses dinamik. Kursus ini merangkumi pengenalan kepada grafik komputer. Subtajuk meliputi kaedah grafik dua dimensi, penjelmaan dan kaedah interaktif. Permodelan objek tiga dimensi dan kaedah manipulasi interaktif serta asas pencahayaan dan lakaran permukaan turut didedahkan kepada pelajar.

KMK 2043 Realiti Maya

Kursus ini memperkenalkan konsep asas teknologi realiti maya. Ini merangkumi penerangan tentang definisi istilah realiti maya, sejarah perkembangan teknologi ini, jenis-jenis sistem realiti maya serta kelebihan dan kekurangan teknologi berkenaan. Penggunaan teknologi ini dalam pelbagai bidang aplikasi juga turut dibincangkan. Pelajar juga didedahkan kepada isu perkakasan dan perisian realiti maya serta diperkenalkan dengan pelbagai teknologi (paparan, pengesan kepala, tangan dan badan) yang pernah dan sedang digunakan. Selain daripada itu, kepentingan konsep animasi, permodelan berdasarkan fizikal dan pengesanan pelanggaran dalam sistem realiti maya juga ditekankan dan pelajar dibekalkan dengan pengetahuan teori yang berkaitan. Isu faktor manusia dalam bidang realiti maya turut diutarakan. Penekanan diberikan kepada pengalaman sebenar mereka bentuk dan membangunkan suatu aplikasi realiti maya jenis *non-immersive*.

KMK 2053 Ergonomik Kognitif

Kursus ini memperkenalkan konsep dan prinsip-prinsip ergonomik, ergonomik kognitif dan peranannya dalam meningkatkan keberkesanan interaksi manusia-mesin/sistem/produk. Skop perbincangan meliputi: konsep ergonomik, ergonomik kognitif, sistem manusia-mesin/sistem/produk, proses kognitif yang terlibat dalam sistem manusia-persekitaran, konsep asas reka bentuk berpusatkan pengguna, reka bentuk paparan dan kawalan, dan penilaian kebolehgunaan. Akhirnya sampel praktikal aplikasi ergonomik dalam industri dibincangkan. Di sini aspek pembuatan keputusan ditunjukkan sebagai salah satu aplikasi utama ergonomik kognitif yang signifikan. Ciri-ciri dan limitasi pembuatan keputusan, hubungan dengan kesilapan dan bencana sistem, serta peranan ergonomik kognitif dalam membantu mengurangkan risiko kesilapan dibincangkan.

KMK 2063 Asas Kepintaran Buatan

Kursus ini bertujuan untuk menerangkan konsep kepintaran, teknik-teknik persembahan pengetahuan dan pencarian untuk tujuan penyelesaian masalah. Adalah penting seseorang itu memahami terlebih dahulu definisi sebenar sistem yang boleh dipanggil pintar. Teknik-teknik yang terlibat dalam mencari penyelesaian kepada permasalahan mestilah berunsurkan kepada cara manusia berfikir dan membuat penaakulan. Kursus ini juga menekankan konsep persembahan pengetahuan yang penting dalam membina sistem yang pintar.

KMK 2073 Rangkaian Neuro Buatan

This course offers insights for students to understand what artificial neural networks are. Modeled after the biological brain, artificial neural networks, or simply neural networks, have been the subjects of study and research since the early 40s. With faster and better computing software and hardware available nowadays, artificial neural networks are becoming increasingly important in many application domains, e.g. from business, medical diagnosis, to difficult engineering and technological problems. There are scores of artificial neural network models that have been proposed in the literature. This course will discuss in detail several of the commonly used models. The course covers comparison between biological and artificial neurons, the general aspects of artificial neural networks, learning theories, and their application to real-world problems. The course also includes hands-on experiments for a number of artificial neural network models using commercial software.

KMK 2083 Latihan Industri

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar ke alam pekerjaan supaya mereka mendapat pengalaman dan kefahaman melalui tunjuk ajar dan bimbingan pihak organisasi serta mahir menghadapi situasi sebenar di bidang Sains Kognitif.

KMK 3013 Sistem Pakar

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada aspek teoretikal dan praktikal membangunkan sistem pakar. Topik-topik termasuklah: pengenalan sistem pakar, potensi sistem pakar di Malaysia, asas teoretikal ke perwakilan pengetahuan, proses menjana dan elisitasi pengetahuan daripada Pakar, formalis memperwakilkan pengetahuan, dan penilaian sistem. Cengkerang sistem pakar (expert system shell) yang mudah seperti CLIPS boleh digunakan.

KMK 3022 Permodelan Fenomena Kognitif

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada prinsip dan teknik memprogramkan model kognitif, serta peranan permodelan aktiviti kognitif sebagai satu aplikasi kepada kajian-kajian psikologi mengenai kognisi, dan sebagai satu pendekatan kepada kepintaran buatan. Pelajar terlebih dahulu didedahkan kepada isu-isu dan teori asas pemodelan aktiviti, ciri dan fenomena kognitif seperti pemikiran dan ingatan. Kemudiannya teknik asas memodelkan aktiviti kognitif didedahkan melalui latihan memprogramkan fenomena kognitif yang mudah seperti pembentukan kira campur, kira tolak dan analogi sebagai aktiviti minda. Bahasa-bahasa seperti Soar atau PROLOG boleh digunakan.

KMK 3033 Interaksi Manusia-Komputer

In this course the topic area of human-computer is covered, with emphasis on the interface. There is a brief description of human factors considerations in the design of the whole workstation and common problems that occur. Sub-topics include: cognitive models of perception; human-sensory-motor constraints; types of input devices and their strength and limitations; output devices; the alternative input and output technologies; intelligent adaptive and predictive interfaces. Laboratories include using GUI such as Visual basic and MOTIF will be introduced. The psychological and health considerations in the application of technology in the workplace are also covered.

KMK 3043 Kognisi dan Pembelajaran

Kursus ini bertujuan mengkaji mekanisme dan prinsip dalam pertukaran tingkah laku, pemerolehan pengetahuan, proses pembelajaran dan struktur lain dalam minda yang berkaitan dalam pembelajaran. Tajuk kuliah merangkumi teori pelaziman, prinsip dalam pembelajaran dan daya ingatan, peranan proses sistem maklumat dan proses mental tinggi yang merangkumi pemprosesan bahasa, kefahaman, pengkategorian dan representasi ilmu, pertimbangan dan membuat keputusan, penyelesaian masalah dan kreativiti.

KMK 3053 Pengkomputeran Linguistik

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan teknik-teknik dan permasalahan dalam pemprosesan bahasa. Justeru itu, memberi tumpuan kepada isu-isu linguistik yang berhubung dengan representasi bahasa dan pemprosesan data linguistik. Permasalahan dalam pemprosesan data linguistik yang dibincangkan antaranya ialah pengaturcaraan lexicon dan analisis morfologi, struktur frasa dan klausa; dan berkaitan dengan representasi data linguistik pula merangkumi masalah pengkuantitian, modus bahasa dan faktor konteks dalam interpretasi makna dan representasi wacana. Pelajar akan didedahkan kepada rangkaian transisi, carta pemprosesan data linguistik dan permasalahan tatabahasa, termasuk juga pemprograman skrip. Tajuk-tajuk yang dikuliahkan dikukuhkan lagi dengan pelbagai latihan 'penyelesaian masalah' dan sesi pemprograman, yang bermatlamat membantu pelajar menghasilkan satu program pemprosesan bahasa.

KMK 3063 Visi Komputer
Kursus ini mendedahkan asas algoritma serta konsep-konsep yang berkaitan dengan visi komputer. Perbandingan antara visi komputer dengan proses biologikal penglihatan manusia dikaji. Kaedah-kaedah seperti image restoration, representation dan aplikasinya juga diajar. Topik-topik seperti image formation, binary images, detection, matching, image representation dan recognition serta dynamic scene analysis akan didedahkan secara ringkas. Isu-isu yang berkaitan dengan visi manusia juga dibincangkan.

KMK 3102 Projek Tahun Akhir
Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan dan memberi pemahaman kepada pelajar mengenai cara penulisan dan menjalankan penyelidikan secara sistematik. Pelajar diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam perancangan, peraturan projek dan pembentangan projek. Setiap pelajar diberi peluang memilih tajuk projek selepas berbincang dan mendapat persetujuan penyelia yang berkaitan. Kebanyakan tajuk yang dicadangkan adalah mengikut teras penyelidikan fakulti. Walaupun tajuk projek berbeza di antara satu sama lain, pelajar akan mendapat latihan yang sama di dalam merancang dan mengatur kerja-kerja di dalam penyediaan cadangan penyelidikan *(proposal)*, penulisan Bab 1 : Pengenalan, Bab 2 : Sorotan Kajian dan Bab 3 : Metodologi Kajian.

KMK 3104 Projek Tahun Akhir
Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan secara mendalam kepada pelajar tentang kaedah kajian yang dijalankan termasuk kaedah pengukuran dan analisis data. Seterusnya pelajar diberi peluang untuk melaporkan secara sistematik dapatan kajian serta, merumus, mengemukakan cadangan, dan mengkritik kajian pelajar jalankan. Pelajar juga didedahkan dengan aspek-aspek membuat rujukan, lampiran, dan penjilid dan tesis.

PBT 1013 Pengantar Linguistik
This course is a general introduction to language and linguistics. It gives students an overview of the basic concepts in language and its inherent characteristics. The purpose of the course is to increase students' awareness of how language functions to make sense of our world and as a system of human communication. It introduces the major theories of historical and modern linguistics. The various strata of language are explored and linguistics sub-disciplines are introduced.

TMC 1413 Pengantar Pengaturcaraan
The course introduces 2 main themes:
1. *Algorithms and algorithmic problem solving*
2. *C programming language*

It covers (a) the basic control structures, iteration, and recursion, (b) classical computer science algorithms e.g. sorting, searching, pattern matching, (c) simple time and space analysis, (d) concepts of modularity, decomposition, procedural and data abstraction, programme libraries, (e) formal specification of abstract data types of simple data structures, (f) software development including programme specification, design, coding, debugging, testing, verification, and documentation, (g) internal representation of information.

TMC 1433 Struktur Data dan Algoritma
Kursus ini memfokuskan struktur data dan algoritma yang penting dalam kajian sains komputer. Kursus ini juga membincangkan analisis algoritma dalam keadaan algoritma yang efisien. Ciri–ciri yang inovatif dalam kursus ini ialah penggunaan bahasa C++. C++ telah digunakan dengan meluas dalam industri oleh korporat di seluruh dunia. Ia juga menjadi bahasa yang dipilih untuk pembangunan profesional 'software'. Contohnya ialah penggunaan Borland C++.

TMC 1813 Matematik Diskrit
Kursus ini bertujuan memberi asas yang kuat untuk bidang lain dalam sains komputer. Ia adalah untuk mengenalkan prinsip logik dan matematik diskrit dan menekankan aplikasi dalam sains komputer. Penekanan dibuat untuk mengenalkan pelajar kepada notasi matematik yang formal dan teknik yang dibenarkan.

C. SINOPSIS KURSUS TERAS JABATAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

EBM 1013 Pengurusan
Kursus ini mengandungi pelbagai aspek pengurusan dengan memberi penekanan ke atas empat fungsi pengurusan iaitu perancangan, pengorganisasian, memimpin dan mengawal. Tajuk-tajuk yang turut dibincangkan adalah pengurusan sezaman (kontemporari), pengurusan sistematik, isu-isu semasa dan anjakan paradigma di dalam pengurusan

EBE 1053 Prinsip Ekonomi
Kursus ini membincangkan prinsip-prinsip asas ekonomi. Pelajar akan didedahkan kepada masalah ekonomi dan bagaimana disiplin ekonomi menyelesaikan masalah ekonomi. Modul satu akan membincangkan tentang interaksi firma dan pasaran dalam penentuan harga sesuatu barangan. Modul kedua akan membincangkan dasar makro ekonomi dan kesannya terhadap pendapatan negara.

KMS 1023 Pengurusan Sumber Manusia (PSM)
Kursus ini meninjau secara menyeluruh bidang PSM. Ia akan memberi tumpuan kepada isu-isu dan pembuatan keputusan berkaitan dengan perhubungan majikan - pekerja (*employer-employee relations*). Perkara yang dibincangkan meliputi pengambilan pekerja, jenis latihan dan peluang pembangunan pekerja, isu-isu pampasan dan faedah, dan isu-isu perhubungan industri dan pekerja. Kursus ini juga membincangkan unsur luaran yang mempengaruhi PSM, seperti polisi awam, undang-undang, keadaan buruh, tekanan pesaing, pengguna, pemilik saham dan teknologi.

KMS 1033 Pembangunan Sumber Manusia
Kursus ini membincangkan konsep, teori dan strategi Pembangunan Sumber Manusia dan peranan yang dimainkan oleh individu yang bertanggungjawab dalam program dan aktiviti PSM di organisasi. Polisi, amalan, isu dan arah tuju dalam pembangunan sumber manusia di Malaysia akan turut dibincangkan.

KMS 1043 Psikologi Perkembangan Manusia
Kursus akan mengambil pendekatan sistematik dalam mengkaji psikologi perkembangan manusia. Pada amnya kursus ini akan membincangkan beberapa aspek yang berlainan yang berkaitan dengan psikologi perkembangan manusia. Ia melihat beberapa aspek saintifik dalam bidang psikologi perkembangan manusia termasuk tentang kenapa kita belajar psikologi pada amnya dan psikologi perkembangan manusia pada khususnya. Tumpuan kursus ini ialah mengkaji setiap peringkat perkembangan manusia yang meliputi peringkat persenyawaan, bayi, peringkat awal kanak-kanak, peringkat pertengahan kanak-kanak, remaja, dewasa dan peringkat tua. Topik perbincangan di semua peringkat ialah perkembangan fizikal, kognitif, personaliti, sosial dan emosi.

Penekanan menjurus kepada aplikasi teori kepada persekitaran kerja sesuai untuk pelajar yang mengikuti program Pembangunan Sumber Manusia. Pendedahan kepada isu-isu semasa seperti perbandingan antara ibu bekerja dan tidak bekerja, ibu/bapa tunggal, kesan-kesan penceraian dan kesan globalisasi ke atas perkembangan keluarga.

KMS 2013 Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan
Kursus ini bertujuan meningkatkan pemahaman pelajar terhadap proses pengajaran-pembelajaran serta faktor-faktor yang menyumbang kepada pengajaran dan pembelajaran berkesan. Topik-topik yang akan dibincangkan merangkumi teori dan model pengajaran dan pembelajaran, faktor-faktor yang mempengaruhi proses pengajaran-pembelajaran serta komponen dan teknik pengajaran berkesan. Kursus juga membincangkan peranan pelatih dan fasilitator dalam proses pengajaran-pembelajaran serta pengetahuan dan kemahiran diperlukan untuk menjadi pelatih dan fasilitator berkesan dalam organisasi.

KMS 2023 Penrekaan dan Pengurusan Program Latihan
Kejayaan sesebuah organisasi adalah bergantung kepada keberkesanan perlaksanaan program latihan dan pembangunan sumber manusia. Sesuatu program latihan haruslah direka bentuk dan diurus secara teratur bagi memenuhi keperluan sumber manusia dan organisasi. Kursus ini memperkenalkan konsep latihan dan pembangunan, prinsip dan panduan berhubung dengan reka bentuk dan pengurusan pro gram latihan yang efektif. Topik-topik yang akan dibincangkan termasuklah pengenalan latihan dan pembangunan, cara-cara mengenal pasti keperluan latihan, pembentukan objektif latihan, strategi pengajaran dan pembelajaran yang efektif, pembentukan kurikulum, kaedah latihan, pengurusan lokasi dan sumber latihan, pentadbiran latihan, dan penilaian program latihan. Ia juga akan melihat faktor-faktor yang mempengaruhi program latihan dan pembangunan dalam organisasi.

KMS 2043 Kaunseling dan Pembangunan Kerjaya
Kursus ini membincangkan konsep perhubungan menolong di dalam organisasi. Tajuk-tajuk yang dibincangkan meliputi peranan kaunseling dalam organisasi, teori, teknik, etika kaunseling serta kemahiran asas kaunseling yang diperlukan oleh pengurus bagi menolong pekerja menghadapi dan menangani masalah dan cabaran dalam organisasi dengan lebih berkesan. Kursus ini turut membincangkan konsep, teori dan isu perancangan dan pembangunan kerjaya dalam organisasi

KMS 2053 Teknologi Pendidikan
Kursus ini merangkumi konsep asas berkaitan dengan teknologi pendidikan, tren serta isu semasa, penggunaan dan pemilihan media, pengelolaan dan pengurusan media serta kriteria teknologi yang sesuai. Kursus ini juga merangkumi proses pembentukan dan penilaian bahan teknologi pendidikan. Pelajar juga akan didedahkan kepada proses merancang, menghasilkan dan menilai teknologi pendidikan, pelbagai jenis grafik, serta teknik penilaian dan kualiti untuk membolehkan pelajar menghasilkan pakej pengajaran pembelajaran mereka sendiri di organisasi.

KMS 2063 Pengurusan Kualiti dan Produktiviti
Kursus ini mendedahkan pelajar kepada prinsip, konsep, teknik dan proses serta amalan-amalan yang berhubung rapat dengan pengurusan kualiti dan produktiviti secara menyeluruh di dalam organisasi. Penekanan kepada kualiti servis dan produk melalui pendekatan secara Kualiti Menyeluruh (*Total Quality*) seperti Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9000, Perancangan Kualiti dan Analisis, Pengurusan Strategik Kualiti dan Produktiviti, Keakuran Kualiti, Audit Kualiti, Jaminan Kualiti dan Ukur takat Kualiti dan Produktiviti.

SSB 2053 Undang-undang Perburuhan
Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada aspek asas perundangan buruh. Para pelajar akan didedahkan kepada perbezaan utama di antara Akta-akta yang mengawal hubungan pekerjaan di Malaysia. Akta-akta ini termasuklah Akta Kerja 1955, Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Hubungan Perusahaan 1967. Teras kepada perbincangan dalam kursus ini termasuklah kontrak perkhidmatan: tanggungjawab dan tugas majikan dan pekerja, hak pekerja, upah, hak kanak-kanak, orang dewasa dan wanita; dan pemberhentian dan penamatan kontrak. Undang-undang industri dan undang-undang lain yang berkaitan dengan jaminan sosial,, kesihatan dan keselamatan pekerjaan serta Ordinan Buruh Sabah dan Sarawak akan turut sama dibincangkan.

SSB 2063 Hubungan Industri dan Kesatuan Sekerja
Kursus ini bertujuan memberikan kefahaman dan kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan dan peranan kesatuan sekerja khususnya di Malaysia. Tumpuan utama kursus ini adalah kepada fungsi dan operasi kesatuan sekerja. Di bahagian kedua kursus, pelajar akan mempelajari sistem dan amalan hubungan industri di Malaysia serta cabarannya.

KMS 2073 Pengurusan Pampasan dan Faedah
Pampasan dan faedah pekerja adalah merujuk kepada gaji, reka bentuk dan penstrukturan gaji, penyelarasan gaji, faedah-faedah yang disediakan, kebajikan pekerja dan kesan upah/gaji yang diberikan kepada pekerja. Sekiranya sistem pampasan dan faedah digunakan dan diuruskan dengan sempurna, ianya boleh dijadikan suatu alat untuk meningkatkan kualiti kerja, tahap motivasi diri dan juga kepuasan para pekerja.

Kursus ini juga memberi penekanan kepentingan ekuiti di dalam pentadbiran pampasan dan faedah, penentu-penentu dalaman dan luaran terhadap pembayaran upah/gaji, teknik-teknik penilaian kerja dan peletakan nilai kerja (*job worth*), jenis-jenis insentif dan faedah-faedah sampingan serta kepentingannya agar selaras dengan matlamat organisasi

KMS 2083 Perancangan, Pengambilan dan Pemilihan Sumber Manusia
Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang teori, teknik dan amalan terkini dalam menguruskan prestasi pekerja di organisasi dengan berkesan. Pelajar akan diperkenalkan kepada skop pengurusan prestasi yang menyeluruh dan akan mengkaji dengan mendalam teknik dan amalan yang pragmatik berdasarkan pengalaman di pelbagai organisasi. Topik yang dibincangkan termasuklah konsep pengurusan prestasi, pemantauan prestasi, intervensi prestasi yang berkesan, penilaian prestasi sebagai satu alat dalam pengurusan prestasi, penggunaan disiplin yang berkesan dan hubungan program organisasi dan pengurusan prestasi.

KMS 2103 Latihan Industri
Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar ke alam pekerjaan supaya mereka mendapat pengalaman dan kefahaman melalui tunjuk ajar dan bimbingan pihak organisasi serta mahir dengan realiti di bidang pembangunan dan pengurusan sumber manusia. Melalui kursus ini, pelajar juga akan diberi peluang untuk mempraktikkan perkara yang telah dipelajari di bilik kuliah ke keadaan yang sebenar.

KMS 2123 Penulisan Akademik dalam Pembangunan Sumber Manusia
Kursus ini bertujuan untuk membangunkan keupayaan pelajar menggunakan pendekatan yang teratur bagi menulis artikel, laporan, buku dan jurnal yang berkaitan dengan isu-isu sumber manusia. Kursus ini juga membimbing pelajar secara teori dan praktis bagi merancang dan menerbitkan laporan kajian yang sistematik. Secara khususnya, tajuk-tajuk penting dalam kursus ini adalah gaya penulisan laporan, pengucapan idea yang betul, mengurangkan kesilapan dalam menggunakan bahasa, mengatur idea dalam laporan, menganalisis sorotan kajian lepas, gaya menulis yang bersesuaian dengan reka bentuk kajian kualitatif dan kuantitatif serta menulis kandungan laporan. Di samping itu, pelajar juga akan didedahkan dengan teknik pembentangan yang berkesan.

KMS 3013 Model Kognitif dan Pengurusan
Kursus ini membincang pembuatan keputusan individu dan kumpulan di sektor industri dan awam. Perbincangan bertumpu kepada pembuatan keputusan secara teori dan praktis serta kaitannya dengan aspek sistem pemprosesan maklumat kognitif. Maklumat yang bersifat kuantitatif dan kualitatif diproses melalui pelbagai teknik pembuatan keputusan. Teknik kepintaran buatan atau model kepakaran juga dibincangkan dengan mengaitkan dengan beberapa contoh perisian pembuatan keputusan. Selain daripada itu isu-isu penting yang berkaitan dengan pembuatan keputusan juga dibincangkan seperti aspek gaya kepemimpinan, sistem komunikasi, etos, nilai serta etika.

KMS 3033 Pengurusan Prestasi
Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang teori, teknik dan amalan terkini dalam menguruskan prestasi pekerja di organisasi dengan berkesan. Pelajar akan diperkenalkan kepada skop pengurusan prestasi yang menyeluruh dan akan mengkaji dengan mendalam teknik dan amalan yang pragmatik berdasarkan pengalaman di pelbagai organisasi. Topik yang dibincangkan termasuklah konsep pengurusan prestasi, pemantauan prestasi, intervensi prestasi yang berkesan, penilaian prestasi sebagai satu alat dalam pengurusan prestasi, penggunaan disiplin yang berkesan dan hubungan program organisasi dan pengurusan prestasi

KMS 3043 Sistem Maklumat Sumber Manusia
Kursus ini cuba mendedahkan para pelajar akan kepentingan penggunaan Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM) dalam aktiviti-aktiviti pengurusan sumber manusia. Aspek-aspek seperti kegunaan, isu dan ciri-ciri penting SMSM juga turut dibincangkan. Melalui kursus ini, para pelajar akan diajar mengenai langkah-langkah dalam mengautomasikan aktiviti-aktiviti pengurusan sumber manusia bermula dari perancangan sistem, mereka bentuk sistem, pemilihan vendor perisian, pelaksanaan sistem hinggalah kepada penyelenggaraan dan penilaian sistem. Para pelajar juga turut didedahkan dengan pelbagai jenis perisian yang terdapat di pasaran selain daripada melihat trend penggunaan SMSM di Malaysia

KMS 3053 Pengurusan Strategik
Kursus ini menyediakan pandangan menyeluruh dalam hal yang berkaitan dengan Pengurusan Strategik. Ia juga memberikan pelajar pemahaman tentang urusan strategi dan operasi secara integrasi. Matlamat keseluruhan kursus ini ialah untuk memastikan pelajar dibekalkan pengetahuan yang mencukupi untuk memilih strategi bagi memenuhi matlamat organisasi

KMS 3063 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Kursus ini mendedahkan para pelajar kepada aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja serta pengurusannya. Ia membincangkan tentang konsep Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, punca dan teori kemalangan serta kesannya ke atas organisasi. Selain itu, Akta Keselamatan dan Kesihatan juga akan turut dibincangkan dengan menekankan kepada peranan dan tanggungjawab majikan dan pekerja. Isu ergonomik, pampasan pekerjaan dan pengurusan risiko akan dihuraikan dengan lebih terperinci.

KMS 3102 Projek Tahun Akhir 1
Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan dan memberi pemahaman kepada pelajar mengenai cara penulisan dan menjalankan penyelidikan secara sistematik. Pelajar diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam perancangan, peraturan projek dan pembentangan projek. Setiap pelajar diberi peluang memilih tajuk projek selepas berbincang dan mendapat persetujuan penyelia yang berkaitan. Kebanyakan tajuk yang dicadangkan adalah mengikut teras penyelidikan fakulti. Walaupun tajuk projek berbeza di antara satu sama lain, pelajar akan mendapat latihan yang sama di dalam merancang dan mengatur kerja-kerja di dalam penyediaan cadangan penyelidikan *(proposal)*, penulisan Bab 1 : Pengenalan, Bab 2 : Sorotan Kajian dan Bab 3 : Metodologi Kajian.

KMS 3104 Projek Tahun Akhir 2
Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan secara mendalam kepada pelajar tentang kaedah kajian yang dijalankan termasuk kaedah pengukuran dan analisis data. Seterusnya pelajar diberi peluang untuk melaporkan secara sistematik dapatan kajian serta merumus, mengemukakan cadangan, dan mengkritik kajian yang dijalankan. Pelajar juga didedahkan dengan aspek-aspek membuat rujukan, lampiran dan penjilid dan tesis.

D. SINOPSIS KURSUS TERAS JABATAN KAUNSELING

KMC 1013 Falsafah dan Prinsip Bimbingan dan Kaunseling
Kursus ini bertujuan untuk memberikan kefahaman dan kesedaran kepada pelajar tentang falsafah dan prinsip kaunseling, kesedaran akan peranan yang boleh dimainkan oleh seseorang kaunselor. Antara topik yang akan didedahkan adalah sejarah, etika dan nilai kaunselor, bentuk perkhidmatan kaunseling dan bimbingan, Akta Kaunselor, kepentingan profesionalisme, konsep kemanusiaan, model intervensi dan isu-isu semasa kaunseling.

KMC 1023 Teori Kaunseling
Kursus ini mendedahkan pelajar kepada pelbagai teori serta pendekatan kaunseling dan psikoterapi yang diterima pakai oleh kaunselor. Penekanan diberikan kepada 7 teori kaunseling. Teori yang dibincangkan adalah Teori Psikoanalisis, Teori Pemusatan Klien, Teori Realiti, Teori Gestalt, Teori Kognitif-Tingkah laku, Teori Kognitif dan Teori Tingkah laku.

KMC 1033 Psikologi Bilazim
This course explores the history of psychopathology, the major psychiatric syndromes classified by Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder (DSM IV), the different theoretical perspectives, and approaches to treatment and therapy.

KMC 1063 Praktikum Kaunseling I (Individu)
Kursus ini berbentuk praktikal di makmal dan di organisasi luar. Pelajar mengendalikan sesi kaunseling yang diselia dengan mempraktikkan teknik dan kemahiran asas kaunseling. Selepas setiap sesi mereka melalui proses perbincangan dalam kumpulan besar. Penilaian kursus berasaskan keupayaan menggunakan teknik dan kemahiran asas kaunseling serta menganalisis kajian kes dengan aplikasi teori.

KMC 1073 Sesi Kaunseling
Kursus ini merupakan sesi praktikal kaunseling individu dan kelompok yang dijalankan oleh pelajar di pelbagai tempat sebagai memenuhi syarat untuk bergraduat, iaitu 200 jam sebagai kaunselor dan 40 jam sebagai klien kepada kaunselor terlatih.

KMC 1083 Kemahiran Asas Menolong
Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada kemahiran-kemahiran asas membantu mengendalikan proses kaunseling, ciri-ciri hubungan kaunseling dan membincangkan kesannya ke atas sikap dan tingkah laku kedua-dua pihak yang terlibat iaitu kaunselor dan klien.

KMC 1093 Perkembangan Personaliti
Pelajar akan mempelajari konsep dan faktor yang mempengaruhi perkembangan personaliti berdasarkan pendekatan oleh Skinner, Maslow, Bandura, Allport, May, Kelly dan Cattell. Peringkat remaja hingga akhir dewasa diberi tumpuan dalam membincangkan perkembangan personaliti. Isu-isu semasa berkaitan dengan perkembangan personaliti juga dibincangkan.

KMC 2033 Pengujian Psikologi I
Kursus ini bertujuan membolehkan pelajar mengambil sendiri ujian psikologi untuk memberi pengalaman dan pendedahan kepada jenis-jenis alat pengujian psikologi. Pelajar juga didedahkan dengan cara untuk menskor respons dan menginterpretasikan skor tersebut dengan jelas. Antara alat pengujian yang sedia ada termasuk Inventori Personaliti Sidek – IPS, *Junior Eysenck Personality Inventory*- JEPI, Inventori

KMC 2043 Dinamika Kelompok
Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada dinamika kelompok, serta konsep, prinsip dan proses kaunseling kelompok, bagaimana menjadi seorang fasilitator/kaunselor yang berkesan dan isu-isu berkaitan yang perlu ditangani. Penekanan diberi kepada meningkatkan keupayaan pelajar menggunakan cara gaya kepimpinan kelompok. Topik yang dibincangkan termasuklah teori, proses dan ciri-ciri kaunseling kelompok, perkembangan proses kaunseling kelompok, cara gaya memimpin kelompok, masalah ahli dalam kelompok dan pengendalian, etika serta isu dalam kaunseling kelompok.

KMC 2053 Praktikum Kaunseling II (Kelompok)
Kursus ini memberi pendedahan dan kemahiran kepada pelajar untuk menyediakan modul terancang dan mengendalikan sesi kaunseling kelompok secara berkesan. Pelajar berpeluang mengendalikan sesi kaunseling kelompok secara praktikal serta bagaimana mengendalikan kelompok yang terdiri daripada pelbagai jenis ahli. Mereka diberi peluang mengaplikasikan teori dan kemahiran asas kaunseling. Pelajar didedahkan juga dengan aspek pengurusan kaunseling kelompok.

KMC 2083 Gaya Hidup dan Perkembangan Kerjaya
Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada konsep pembangunan kerjaya dan menghasilkan perancangan kerjaya mereka. Antara topik yang dibincangkan ialah krisis dan perubahan kerjaya, kepelbagaian peranan individu (gaya hidup) dalam kehidupan dan kerjaya, pengurusan transisi kerjaya, isu-isu strategik dalam pekerjaan dan perancangan kerjaya.

KMC 2093 Etika Kaunseling
Kursus ini bertujuan memperkenalkan asas dan konsep etika dalam kaunseling. Pertimbangan undang-undang (Akta Kaunselor 1998) yang berkaitan dengan kaunseling dan garis panduan etika profesional dalam konteks tempat kerja akan diberikan tumpuan. Tajuk kuliah meliputi pengenalan dan asas tingkah laku etika dan moral, kaunselor sebagai pengamal kaunseling profesional, nilai dan perhubungan, isu-isu berkaitan dengan etika, kod perlakuan etika dan hubungannya dengan isu etika profesional, hak klien dan tanggungjawab kaunselor.

KMC 3023 Pengujian Psikologi II
This course is designed to expose the students to the most commonly used psychological testing in counseling setting. Students enrolling in this class are expected to already be familiar with psychometric properties of psychological tests as introduced in Psychological Testing I. In this course students have the opportunity to analyze different types of psychological testing including personality, intelligence, aptitude and achievement, vocational test, and specific clinical tests. Students receive an exposure in administering and interpreting tests. Finally, at the end of the semester, students will discuss the contemporary issues pertaining to scientific findings on the use of psychological testing.

KMC 3033 Kaunseling Kerjaya
Kursus ini memfokuskan kepada teori-teori perkembangan kerjaya, model-model kaunseling kerjaya, teknik-teknik kaunseling kerjaya, proses kaunseling kerjaya, kepentingan dan cabarannya serta isu-isu dalam kaunseling kerjaya.

KMC 3043 Kaunseling Silang Budaya
Kursus ini bertujuan memberikan satu gambaran tentang proses perkembangan budaya yang menyumbangkan implikasi kepada Kaunseling Silang Budaya. Perhatian akan tertumpu pada isu-isu budaya individu, kelompok, keluarga dan organisasi dengan mengambil kira latar belakang budaya yang berbeza-beza. Kepelbagaian agama dan bangsa merupakan aspek yang akan dipertimbangkan dan juga mengambil kira aspek jantina. Pelajar diharap dapat menyedari dan memahami pelbagai perspektif budaya semasa mengendalikan sesi kaunseling.

KMC 3053 Seminar Isu Kaunseling
Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada pelajar tentang isu-isu semasa dalam organisasi yang berkaitan dengan kehidupan seharian dan kesan teknologi terhadap individu dalam organisasi. Antara isu yang diutarakan adalah isu kesihatan, keselamatan, penyalahgunaan bahan terlarang, gangguan seksual, isu-isu keluarga dan persaraan, pendekatan perkhidmatan dan perlaksanaan perkhidmatan kaunseling dalam organisasi dan e-kaunseling. Isu perkembangan kerjaya kaunselor juga dibincangkan.

KMC 3063 Kaunseling Keluarga
Kursus ini bertujuan untuk membolehkan pelajar menganalisis isu keluarga dan mengenal pasti strategik yang sesuai untuk menanganinya. Pelajar dilatih menggunakan beberapa model terapi keluarga dalam menjalankan sesi kaunseling dan seterusnya membincangkan isu keluarga seperti mobiliti keluarga, konflik keluarga, keganasan, dan penderaan. Melalui kursus ini, pelajar diberi peluang mempraktikkan teknik kaunseling dalam menangani isu keluarga di samping meneroka tanggungjawab organisasi terhadap pekerja.

KMC 3073 Perundingan Kaunseling
Kursus ini menyediakan kefahaman dan kemahiran kepada pelajar tentang konsep perundingan dan kaedah yang sesuai digunakan untuk menjalankan perundingan kaunseling. Antara topik yang dibincangkan ialah definisi perundingan, proses perundingan, bentuk intervensi berdasarkan pendekatan teori dan isu-isu perundingan.

KMC 3012 Projek Tahun Akhir I
Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan dan memberi pemahaman kepada pelajar mengenai cara penulisan dan menjalankan penyelidikan secara sistematik. Pelajar diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam perancangan, peraturan projek dan pembentangan projek. Setiap pelajar diberi peluang memilih tajuk projek selepas berbincang dan mendapat persetujuan penyelia yang berkaitan. Kebanyakan tajuk yang dicadangkan adalah mengikut teras penyelidikan fakulti. Walaupun tajuk projek berbeza di antara satu sama lain, pelajar akan mendapat latihan yang sama di dalam merancang dan mengatur kerja-kerja di dalam penyediaan cadangan penyelidikan *(proposal)*, penulisan Bab 1 : Pengenalan, Bab 2 : Sorotan Kajian dan Bab 3 : Metodologi Kajian.

KMC 3014 Projek Tahun Akhir II
Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan secara mendalam kepada pelajar tentang kaedah kajian yang dijalankan termasuk kaedah pengukuran dan analisis data. Seterusnya pelajar diberi peluang untuk melaporkan secara sistematik dapatan kajian, merumus, mengemukakan cadangan dan mengkritik kajian yang telah dijalankan oleh pelajar. Pelajar juga didedahkan dengan aspek-aspek membuat rujukan, lampiran, dan penjilidan dan tesis.

KMC 4013 Sistem Maklumat Kaunseling Kerjaya
Kursus ini bertujuan untuk memberikan kefahaman dan kemahiran kepada pelajar tentang sistem maklumat kaunseling kerjaya. Antara topik yang akan dipelajari ialah konsep asas sistem maklumat, sistem maklumat kaunseling kerjaya, perancangan pembangunan sistem sehingga peringkat penilaian. Pelajar juga didedahkan dengan aplikasi pembangunan sistem maklumat kerjaya yang sesuai untuk dibangunkan.

KMC 4023 Kaunseling Pemulihan
Kursus ini dirangka untuk memberikan kefahaman teori dan teknik yang boleh diaplikasikan dengan proses pemulihan. Antara tajuk yang akan disentuh ialah prinsip kaunseling pemulihan, jenis kaunseling pemulihan, aplikasi teori kaunseling, aspek psikologi dan perubatan, aspek psikososial, pendekatan kaunseling individu dan kelompok dalam pemulihan serta isu kaunseling pemulihan.

KMC 4039 Internship
Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar ke alam pekerjaan supaya mereka mendapat pengalaman dan kefahaman tentang organisasi melalui tunjuk ajar dan bimbingan pihak organisasi tersebut serta mengenal pasti keperluan kaunseling dalam organisasi. Melalui kursus ini, pelajar diberi peluang mempraktikkan teori, konsep dan kemahiran asas kaunseling yang telah dipelajari dalam situasi sebenar.

E. SINOPSIS KURSUS TERAS PROGRAM PENDIDIKAN

KMP 1022 Pengenalan Kepada Profesion Perguruan
Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada hala tuju dan matlamat profesion perguruan secara umum dan merangkumi pelbagai isu yang berkaitan dengan etika perguruan, masalah dan cabaran profesion perguruan dan kepentingan meningkatkan perkembangan profesionalisme seseorang guru dalam bidang perguruan secara berterusan. Pelajar juga berpeluang untuk mengenali dengan lebih dekat skop dan tanggungjawab guru di sekolah melalui pelbagai bentuk tugasan kursus yang bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada pengajaran dan pembelajaran dalam persekitaran persekolahan yang sebenar.

KMP 1033 Masyarakat dan Budaya dalam Pendidikan
Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tentang hubungan dinamik di antara masyarakat dan budaya dalam pendidikan. Antara tajuk utama yang dibincangkan ialah peranan sekolah sebagai sebuah organisasi sosial, mengenali budaya dan komuniti di sekolah, kepelbagaian dari segi budaya dan struktur sosioekonomi dalam masyarakat serta pengaruhnya terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah, dan perubahan sosial semasa dan kesannya terhadap pendidikan. Pelajar yang mengikuti kursus ini juga berpeluang untuk menganalisis perspektif global berkenaan trend dan isu-isu berkaitan peranan dan pengaruh masyarakat dan budaya dalam pendidikan.

KMP 1043 Teori Pembelajaran dan Psikologi Perkembangan Manusia
Kursus ini memberi pengenalan kepada pelajar tentang pelbagai teori dan aspek-aspek penting dalam pembelajaran dan perkembangan manusia serta implikasi teori dan aspek tersebut di dalam bidang pendidikan. Isi kandungan kursus ini berkisar kepada persoalan bagaimana pembelajaran berlaku dan apakah faktor psikologi yang mesti diambil kira oleh seseorang pendidik untuk memastikan pengajaran yang dirancang dapat menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Antara tajuk utama yang dibincangkan di dalam kursus ini ialah teori pembelajaran dan model pengajaran yang berkaitan, masalah dan perbezaan stail pembelajaran, perkembangan manusia, dan isu-isu terkini dalam psikologi pendidikan.

KMP 1063 Teknologi Pendidikan
Kursus ini merangkumi konsep asas dalam bidang teknologi pendidikan, trend serta isu semasa berkaitan dengan penggunaan teknologi untuk pengajaran, dan kriteria yang perlu diambil kira dalam pemilihan teknologi yang sesuai bagi proses pengajaran dan pembelajaran. Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk merancang, membina, menilai kesesuaian dan keberkesanan pelbagai alat dan media pengajaran dalam menyampaikan isi kandungan pengajaran selari dengan kehendak kurikulum pendidikan menengah.

KMP 1073 Falsafah dan Perkembangan Pendidikan di Malaysia
Kursus ini memberi pengenalan dan pendedahan kepada pelajar tentang konsep falsafah pendidikan dan pengaruhnya dalam menentukan hala tuju sistem pendidikan sesebuah negara. Penekanan turut diberi kepada latar belakang serta perkembangan pendidikan di Malaysia semenjak kemerdekaan sehingga kini melalui perbincangan pelbagai isu dan cabaran yang berkisar dengan inti pati falsafah, dasar dan matlamat pendidikan negara serta peranan yang seharusnya dimainkan oleh golongan pendidik

untuk memastikan falsafah serta matlamat pendidikan negara dapat direalisasikan seperti mana yang dihasratkan. Pelbagai peristiwa penting dalam sejarah pendidikan negara serta kesannya terhadap perkembangan pendidikan semasa turut dibincangkan.

KMP 2023 Alat Minda Pembelajaran

Alat minda merupakan teknologi yang berupaya membangunkan kemahiran penaakulan pelajar melalui aplikasinya dalam proses pengajaran-pembelajaran. Kursus ini membincangkan teknologi yang berpotensi sebagai alat minda dalam proses pengajaran-pembelajaran dan membekalkan pelajar dengan kemahiran menggunakan teknologi tersebut dalam merancang dan membentuk program pengajaran. Di antara teknologi alat minda yang dibincangkan ialah alat penyusunan semantik, alat pemodelan dinamik, alat interpretasi, alat pembinaan pengetahuan dan alat perbualan. Pelajar diberi latihan mengenal pasti, mengkritik dan memilih teknologi yang sesuai untuk kegunaan pengajaran pembelajaran dalam bidang masing-masing. Pelajar juga akan merancang dan membangunkan modul aplikasi teknologi tersebut dalam pengajaran pembelajaran.

KMP 2033 Kognisi Guru dan Proses Pengajaran-Pembelajaran

Kursus ini memberi pengenalan kepada pelajar tentang bidang perguruan dan komponen-komponen penting di dalam bidang tersebut yang mempengaruhi keberkesanan proses pengajaran-pembelajaran. Kursus ini memberi tumpuan kepada aspek kognisi guru dan hubungannya dengan tingkah laku, nilai dan kepercayaan guru dalam merancang proses pengajaran-pembelajaran. Antara lain kursus ini merangkumi topik-topik seperti proses pembelajaran guru dan pemerolehan pengetahuan, pembelajaran untuk pengajaran, perkembangan diri dan tingkah laku guru, mekanisme dan prinsip dalam pertukaran tingkah laku, mengenali dan menangani kepelbagaian pelajar dan cara mewujudkan persekitaran pengajaran-pembelajaran yang kondusif.

KMP 2043 Kurikulum dan Reka bentuk Pengajaran

Kursus ini memberi pelajar pendedahan kepada bidang pembangunan kurikulum dan reka bentuk pengajaran. Di dalam kursus ini, pelajar didedahkan kepada pelbagai teori kurikulum, faktor-faktor yang perlu diambil kira di dalam perancangan kurikulum, penggubalan skema pengajaran tahunan, perancangan mengajar harian dan kriteria yang perlu ditekankan dalam menilai keberkesanan sesuatu rancangan pelajaran. Pelajar juga turut membincangkan isu-isu dalam pembangunan pengajaran dan mempelajari model serta proses mereka bentuk pengajaran. Di samping itu, pelajar diberi latihan mengenal pasti serta memilih kaedah dan media pengajaran yang bersesuaian dalam menghasilkan rancangan pelajaran untuk bidang masing-masing.

KMP 2052 Kaedah dan Teknik Pengajaran I

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada teori dan amalan pengajaran yang berfokuskan kepada pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran. Pendekatan pengajaran membincangkan pelbagai pandangan tentang situasi pengajaran-pembelajaran dan merupakan panduan kepada kaedah mengajar yang digunakan. Di antara pendekatan pengajaran yang dibincangkan adalah pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran induktif dan deduktif, pembelajaran melalui pengalaman, pembelajaran berasaskan pengurusan dan inkuiri, pendekatan kreatif dalam pembelajaran, pembelajaran berasaskan komputer dan e-pembelajaran. Kaedah pengajaran akan membincangkan antara lain, cara pengajaran berasaskan eksperimen, pengajaran secara *reciprocal* dan pengajaran secara berpasukan. Teknik pengajaran pula akan menyentuh mengenai kemahiran yang berkaitan dengan pengajaran berkesan seperti kemahiran berkomunikasi, menyoal dan teknik penyampaian. Pelajar berpeluang membangun dan mengaplikasikan pendekatan, kaedah dan teknik yang dipelajari dalam sesi pengajaran mikro.

KMP 3013 Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada proses penyelidikan dalam pendidikan. Pelajar akan mempelajari urutan prosedur penyelidikan dan pendekatan yang dapat digunakan dalam mengkaji masalah yang dihadapi dalam bidang pendidikan. Tiga komponen penting kursus ini adalah pendedahan kepada penyelidikan kuantitatif, kualitatif serta kaedah penyelidikan tindakan (*action research*). Pelajar juga akan turut didedahkan kepada cara mengendalikan penyelidikan pendidikan, cara menulis cadangan penyelidikan dan menyediakan laporan penyelidikan, serta teknik membaca dan menilai laporan atau artikel penyelidikan yang terdapat di dalam jurnal pendidikan.

KMP 3022 Pengurusan Sekolah dan Bilik Darjah

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada aspek pengurusan di sekolah dan di bilik darjah termasuk pengurusan bidang ko-kurikulum. Pelajar didedahkan kepada tiga modul utama iaitu konsep pengurusan di sekolah, pengurusan di bilik darjah dan pengurusan ko-kurikulum. Di dalam modul pengurusan di sekolah, pelajar berpeluang membincangkan bentuk pengurusan tahunan, bulanan dan harian yang diperlukan bagi memastikan pengurusan di sekolah berjalan lancar mulai daripada permulaan penggal persekolahan sehingga tamat. Di dalam modul pengurusan bilik darjah pula, pelajar berpeluang membincangkan strategi mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran di dalam bilik darjah serta cara menangani pelbagai masalah tingkah laku dan disiplin pelajar. Modul pengurusan bidang ko-kurikulum pula akan mendedahkan pelajar kepada strategi perancangan untuk menyelaras dan menyelia program atau aktiviti di sekolah yang lebih menjurus kepada bidang ko-kurikulum seperti sukan, permainan, unit beruniform, persatuan dan kelab.

KMP 3043 Pentaksiran Pendidikan

Kursus ini mengintegrasikan proses pengukuran, pengujian, penilaian, dan membuat keputusan oleh guru terhadap pencapaian pelajar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Keputusan penting yang dibuat oleh guru di dalam bilik darjah merangkumi isu-isu seperti penggunaan alat ukur yang bersesuaian dengan matlamat pembelajaran pelajar. Kursus ini bermula dengan penjelasan mengenai istilah pengukuran, pengujian dan proses penilaian serta ciri-ciri dan prinsip-prinsip penilaian yang baik. Topik yang dibincangkan merangkumi jenis-jenis penilaian dan kegunaannya, cara membentuk dan membangunkan alat penilaian, cara mengred dan melapor hasil penilaian dan cara bagaimana penilaian menggunakan teknologi maklumat boleh digunakan.

KMP 3052 Kaedah dan Teknik Pengajaran Biologi

Di dalam kursus ini pelajar akan didedahkan kepada pelbagai kaedah mengajar yang boleh digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran biologi. Penekanan akan diberikan kepada cara mengendalikan aktiviti amali di makmal, pengajaran di dalam bilik darjah, dan pengendalian kerja lapangan. Pencapaian dan kemahiran pelajar di dalam tiga-tiga penekanan ini akan dinilai semasa sesi pengajaran secara mikro. Pelajar juga akan berpeluang mempelajari cara mengintegrasikan penggunaan pelbagai alat bantu mengajar seperti mikroskop, model, tayangan video dan pengajaran berasaskan komputer di dalam pengajaran mereka.

KMP 3062 Kaedah dan Teknik Pengajaran Kimia

Kursus ini memberi tumpuan terhadap kaedah mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk mata pelajaran kimia. Pelajar berpeluang meneliti pelbagai kaedah yang boleh digunakan untuk mengajar topik-topik kimia dan bentuk soalan dan latihan yang digunakan. Pelajar juga akan didedahkan kepada perbezaan di antara pakar dan novis kimia, kesan pelbagai kefahaman terhadap pembentukan konsep kimia, dan keprihatinan semasa mengemukakan konsep atau model kimia agar ianya tepat dan jelas. Dalam kursus ini pelajar juga akan merancang dan mengendalikan pengajaran secara mikro di bilik kelas atau makmal kimia

Inl Ulti sains kognitif dan pembangunan manusia 2006 07

KMP 3072 Kaedah dan Teknik Pengajaran Matematik
Kursus ini bertujuan memperkenalkan pelajar kepada kaedah-kaedah pengajaran matematik di peringkat sekolah menengah. Kursus ini disusun untuk merangkumi tiga komponen utama: Perspektif Pendidikan Matematik, Amalan di Bilik Darjah, dan Perkembangan Profesional. Komponen Perspektif Pendidikan Matematik, akan meliputi peristiwa, isu, konsep, dan teori perkembangan pengajaran matematik, pemikiran pendidik-pendidik matematik sedunia, teori-teori pembelajaran matematik, isu perkembangan kurikulum, dan masalah serta corak aliran dalam pengajaran matematik. Komponen Amalan di Bilik Darjah pula akan merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran matematik dari segi amali serta menekankan konsep dan penggunaan makmal matematik sebagai satu pendekatan pengajaran. Manakala komponen Perkembangan Profesional akan menggariskan kepentingan guru berusaha ke arah mempertingkatkan pengetahuan dan taraf guru matematik.

KMP 3082 Kaedah dan Teknik Pengajaran Sains Komputer
Tujuan Kursus ini adalah untuk menyediakan bakal guru untuk mengendalikan pengajaran sains komputer di sekolah. Di antara topik yang dipelajari adalah seperti kaedah dan teknik mengajar sains komputer, cara mewujudkan pengalaman mengajar sains komputer untuk peringkat sekolah menengah di dalam dan di luar kelas, pengurusan makmal komputer termasuk penyelenggaraan dan keselamatan peralatan, ulasan majalah dan jurnal yang berkaitan isu-isu penggunaan sains komputer untuk pembelajaran. Pelajar juga berpeluang untuk merancang dan mengendalikan sesi pengajaran mikro di dalam kelas, makmal komputer atau pusat sumber.

KMP 3118 Latihan Mengajar
Kursus ini merupakan kemuncak kepada pembelajaran seseorang pelajar sebagai bakal pendidik. Latihan mengajar memberi peluang kepada pelajar untuk mengimplikasi pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari ke situasi sekolah dan bilik darjah sebenar. Melalui bimbingan dan seliaan pensyarah dan guru pembimbing, pelajar berpeluang menilai kekuatan dan kekurangan diri, seterusnya mengambil langkah yang sesuai untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk menjadi pendidik yang cemerlang, berinovasi dan berwawasan. Fokus penilaian kursus ini adalah ke atas keberkesanan perancangan pengajaran dan kesesuaian kaedah yang digunakan di dalam penyampaian pengajaran, inovasi dalam pedagogi, penguasaan bidang pengajaran, pengurusan bilik darjah dan penyempurnaan projek.

KMP 4012 Bimbingan dan Kaunseling
Kursus ini bertujuan memberikan kefahaman dan kesedaran kepada pelajar tentang prinsip bimbingan dan kaunseling serta peranan kaunselor di sekolah. Antara topik yang dibincangkan adalah sejarah, perkembangan bimbingan dan kaunseling, kemahiran asas kaunseling, etika dan nilai kaunselor, konsep dan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dan peranan serta tugas kaunselor di sekolah.

KMP 4102/4104 Projek Tahun Akhir
Di dalam kursus ini pelajar berpeluang menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan berkaitan dengan bidang pendidikan di bawah seliaan penyelia yang dilantik. Jenis-jenis projek yang boleh dijalankan oleh pelajar adalah pembangunan bahan pengajaran dan pembelajaran, penilaian sumber atau program pengajaran, penyelidikan berbentuk survei, penyelidikan tindakan, eksperimental, analisis dokumen dan jenis penyelidikan lain yang diluluskan oleh penyelia. Pelajar diberi peluang memilih tajuk projek selepas berbincang dan mendapat persetujuan penyelia masing-masing. Pelajar juga dikehendaki menyiapkan laporan penyelidikan mengikut format yang ditetapkan oleh fakulti.

F. SINOPSIS KURSUS GENERIK DAN PELENGKAP

PBA 0033 Arabic Language Level 1

This course introduces students to a modern language. It focuses on developing the skills of listening, speaking and reading the target language for practical purposes in communicative situation. The em phasis is on oracy skills. The course also exposes students to cultural and social contexts of that target language.

PBA 0043 Arabic Language Level 2

The intermediate course further develops students' ability and confidence to interact in the target language in practical contexts. It helps students expand their linguistic as well as socio-cultural knowledge of the language and its contexts of use.

PBJ 0033 Japanese Language Level 1

This course introduces students to a modern language. It focuses on developing the skills of listening, speaking and reading Japanese language for practical purposes in communicative situation. The emphasis is on oracy skills. The course also exposes students to cultural and social contexts of Japanese language.

PBJ 0043 Japanese Language Level 2

This intermediate course further develops students' ability and confidence to interact in Japanese language in practical context. It helps students expand their linguistic as well as socio-cultural knowledge of the language and its contexts of use.

PBP 0033 French Language Level 1

This course introduces students to a modern language. It focuses on developing the skills of listening, speaking, and reading the target language for practical purposes in communicative situation. The emphasis is on oracy skills. The course also exposes students to cultural and social contexts of that target language.

PBP 0043 French Language Level 2

This intermediate course further develops students' ability and confidence to interact in French language in practical context. It helps students expand their linguistic as well as socio-cultural knowledge of the language and its contexts of use.

PBM 1023 Pengucapan Awam

Kursus ini menekankan aspek-aspek pengucapan awam yang berkesan dalam kalangan pelajar agar dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan dan bidang kerjaya. Secara khusus, kursus ini memfokuskan kepada kaedah-kaedah menyediakan ucapan, menyampaikan ucapan dan mengendalikan sesi soal jawab selepas ucapan. Selain itu, pelajar akan didedahkan dengan teknik-teknik pengucapan dan cara-cara membina keyakinan diri.

PBM 1033 Bahasa dan Kognisi

Kursus ini memberi pendedahan asas tentang perkaitan bahasa dengan minda dari empat perspektif ilmu. Aspek-aspek yang ditinjau merangkumi (i) Perkembangan dan Pemerolehan bahasa secara semula jadi, (ii) Pemprosesan Bahasa iaitu proses-proses kognitif yang terlibat dalam penggunaan dan pemerolehan bahasa, (iii) Neuro linguistik dan (iv) Bahasa dari sudut Psikologi Manusia. Turut dibincangkan hubungan di antara bahasa dan pemikiran berdasarkan pandangan-pandangan Chomsky, Fodor dan Whorf.

PBM1043 Bahasa dan Masyarakat

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan asas mengenai bahasa dalam konteks sosial dan budaya penuturnya. Fokus utamanya ialah variasi dan kerencaman bahasa serta permasalahan bahasa dalam masyarakat terutamanya masyarakat multilingual. Ia juga memanfaatkan ilmu linguistik dalam bidang berkenaan untuk tujuan pengajaran/pembelajaran bahasa. Antara aspek yang akan diteliti ialah kompeten dalam berkomunikasi, ragam bahasa, faktor dan dimensi sosial dalam penggunaan bahasa, dwibahasa dan kepelbagaian bahasa, fungsi bahasa dalam masyarakat majmuk/multilingual dan perancangan bahasa. Turut dibincangkan ialah hubungan sesuatu bahasa dengan budaya dan pemikiran penuturnya.

TMX 1011 End-User Computing

This introductory course provides an understanding and hands-on learning of how information technology can be used to support personal productivity. A variety of popular, common software packages are used in the practical work, including document preparation, spreadsheets, databases, graphics, electronic mail and groupware software.

TMX 2012 Alat kuasa untuk Pekerja Ilmuan

Kursus ini akan membincangkan kepentingan IT sebagai alat kuasa dan juga kepentingan pekerja Ilmuan dalam arena teknologi maklumat pada masa kini. Topik-topik yang berkaitan dan menarik seperti internet, multimedia, pangkalan data, pemprosesan imej, pengurusan maklumat peribadi akan didedahkan. Selain itu, isu-isu penting seperti etika, keselamatan rangkaian dan virus akan turut dibincangkan. Matlamat kursus ini adalah untuk membangunkan skil dan kefahaman tentang kepentingan teknologi dan bagaimana untuk mengaplikasikannya untuk menjadi pekerja ilmuan.

SSX 0012 Tamadun Islam dan Tamadun Asia Kertas 1 (TITAS1)

Para pelajar akan didedahkan kepada pegangan dan falsafah kehidupan keseluruhannya, nilai dan budaya kehidupan harian, adat resam dan corak kehidupan masyarakat Islam dan Melayu di Malaysia. Melalui kursus ini, para pelajar akan lebih memahami masyarakat Islam dan Melayu Malaysia dan akan dapat menyelami pemikiran, tindak-tanduk dan cara mereka berfikir serta membuat keputusan. Maklumat yang diperoleh akan membolehkan para pelajar untuk memahami dan menerima masyarakat Islam dan Melayu Malaysia sebagai entiti tertentu dan akan memudahkan mereka untuk saling berinteraksi dengan cara yang lebih baik dan sesuai. Dengan demikian, kursus ini boleh membantu mengukuhkan integrasi nasional dan menstabilkan masyarakat Malaysia supaya terus maju dan membangun menjadi sebuah masyarakat yang matang dan dihormati.

SSX0022 Hubungan Etnik

Kursus akan mendedahkan pelajar terhadap pluraliti budaya, masyarakat dan kumpulan etnik, kefahaman berkenaan permuafakatan sosial di Malaysia dan asas-asas keharmonian hubungan etnik, kefahaman pelajar terhadap cabaran pluraliti budaya dan hubungan etnik dan kefahaman tentang konsep Islam Hadari dan hubungan etnik.

PBI 0011 Preparatory English 1

This course is designed for students who need to increase their English language proficiency level in order to interact and communicate more effectively in the target language. It is focused on developing students' social and interpersonal communicative skills in English. Students will be taught to use appropriate English for effective communication in various situations. Students will be given the opportunity to explore authentic language use through a range of resources including computer courseware and audiotapes. Self-access learning is a significant component of the course.

PBI 0021 Preparatory English 2

This course aims to give students the opportunity to further strengthen their social communicative skills in English. It enhances students' ability to listen, speak, read and write. Students will engage with a range of text type and practise using appropriate language in various meaningful contexts. Self-access learning is a significant component of the course.

PBI 1012 English for Professional Purposes

This course is designed to meet the needs of ESL students to communicate efficiently in professional situations. It focuses on the development of appropriate language skills (Reading, Writing, Listening and Speaking) and language content (Grammar, Vocabulary) that are directly applicable to a wide range of professional contexts. The emphasis throughout the course is on appropriate and accurate language for a variety of professional activities.

PBI 1022 Creative Writing in English

The course aims to develop students' talents and abilities in writing on various subjects in the form of prose and verse. It also offers them the opportunity to express themselves through these forms. Students will learn different approaches in writing creative pieces. They will also experience and discuss the creative process involved from the initial thoughts and ideas to the final manuscript.

PBI 1032 Academic Reading and Writing

This course aims to develop students' ability in reading and writing for academic purposes. Students will be introduced to appropriate skills and strategies to facilitate the reading of academic texts in their particular disciplines. They will also be guided through the skills required in producing a variety of short texts in their relevant fields of study. The focus throughout the course is on how language functions in the academic genres covered.

PBI 1042 Progressive Grammar

This course aim to develop students' grammar skills through traditional practice and interactive activities. It integrates the practice of the rules of essential English grammar (form) with information about when to apply them and what they mean (function). The course features reading and interactive activities that enable students to accurately recall grammar points through meaningful contexts. The course provides additional practice on forms in order to build students' accuracy in the language. Students will be provided opportunities to gain practice on the use and usage of the language via online and tutorial activities.

PBI 1052 English for the Real World

English for the Real World is a course designed to help students have greater understanding of authentic texts that are integral to our everyday world. It is an avenue for students to learn how to appreciate the English language and increase their level of proficiency. It provides them with the opportunity to explore and analyse written and spoken English texts of various genres in critical yet meaningful ways. It aims to raise awareness of the language and cultural issues encoded in the texts. In this way, it hopes to instill more interest in the language, inculcate positive values and thereby enhance students' academic and social lives.

PBI 1062 English for Self-Expression

This course introduces students to the excitement and satisfaction of using the English language for effective self-expression, in oral and written form. It progresses from reading and analysis of published creative writing (both local and foreign) to self-belief in their individual ability to use the language in a meaningful and substantive way to express themselves through the genres of short story and dramatic dialogue, and gaining self-confidence in the process.

PBM 2022 Bahasa Malaysia

Kursus ini mengasah kemahiran berwacana dalam kalangan pelajar dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek tatabahasa dan penggunaan laras bahasa yang betul. Pelajar didedahkan kepada pelbagai laras bahasa seperti laras bahasa dalam penulisan memorandum, laporan, minit mesyuarat, iklan dan laras ilmiah. Penglibatan pelajar turut ditekankan dalam setiap aktiviti yang dijalankan seperti sesi bengkel dan pembentangan kertas kerja kursus bagi memantapkan kemahiran lisan dan penulisan pelajar.

MAKLUMAT PENTING

E-mel pelajar

E-mel utama untuk pelajar Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia adalah *squirrelmail*. Hanya e-mel rasmi ini sahaja yang boleh dihantar kepada pensyarah dan staf fakulti. Sebarang penghantaran e-mel daripada bukan sumber e-mel rasmi tidak akan dilayan oleh staf akademik dan sokongan fakulti. Sebarang pertanyaan berkenaan dengan e-mel rasmi ini bolehlah diajukan kepada Penolong Pegawai Sistem Maklumat FSKPM, Pn Rose Sima Ikau.

Alamat e-mel squirrelmail: http://kalas.unimas.my

Plagiat

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia amat menekankan faktor plagiat oleh pelajar. Setiap kes plagiat akan menyebabkan tindakan disiplin dikenakan oleh pihak fakulti kepada pelajar terbabit. Isu plagiat bukan hanya merangkumi peperiksaan akan tetapi setiap kerja kursus ada tugasan yang diberikan oleh para pensyarah untuk tujuan pemarkahan dan peperiksaan.

Larangan Merokok

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia telah menjadikan kawasan fakulti sebagai kawasan larangan merokok di setiap inci bangunan termasuk tandas, kawasan foyer dan ruang legar tidak berhawa dingin. Tindakan disiplin akan dikenakan kepada individu yang ditangkap melakukan kesalahan merokok.

Gangguan Seksual

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia telah menyediakan satu prosedur untuk laporan berkenaan dengan gangguan seksual di fakulti.

Gangguan seksual boleh didefinisikan sebagai tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini dan memberi kesan sebagai satu gangguan sama ada lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal yang menimbulkan rasa malu, tertekan dan menakutkan kepada seseorang individu. Terdapat 6 perlakuan utama gangguan seksual iaitu;

1. **Gangguan Secara Lisan**

   Contohnya: kata-kata, komen, gurauan, usikan bunyi dan soalan-soalan yang berbentuk ancaman atau cadangan seksual.

2. **Gangguan Secara Isyarat/Bukan Lisan**

   Contohnya: pandangan atau kerlingan yang membayangkan sesuatu niat atau keinginan, menjilat bibir atau memegang atau memakan makanan dengan cara menggoda, isyarat tangan atau bahasa isyarat yang membayangkan perlakuan seks dan tingkah laku mengurat yang berterusan.

3. **Gangguan Visual**

   Contohnya: menunjukkan bahan-bahan lucah, melukis gambar lucah, menulis surat berunsur seksual, mendedahkan bahagian bahan sulit yang tidak sepatutnya didedah

4. **Gangguan Psikologi**

   Contohnya: mengulangi jemputan sosial yang telah tidak diterima, memujuk rayu berterusan untuk keluar bersama atau untuk bercumbuan

5. **Gangguan Fizikal**

   Contohnya: sentuhan yang tidak diingini, menepuk, mencubit, mengusap, menggesel badan, memeluk, mencium, serangan seksual.

6. **Gangguan Melalui Media Elektronik**

   Contohnya: menghantar bahan-bahan yang lucah melalui e-mel dan khidmat pesanan ringkas (sms).

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia mengambil berat isu pemangsa gangguan seksual. Laporan atau pertanyaan akan ditangani secara sulit dan persendirian. Jika terdapat sebarang masalah yang berkenaan dengan gangguan seksual di fakulti, pelajar boleh membuat laporan dengan staf fakulti yang dipercayai atau mentor atau ketua jabatan atau timbalan dekan atau dengan dekan sendiri.

KALENDAR AKADEMIK SESI 2006/2007
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Aktiviti	Tarikh	Tempoh
Pendaftaran Pelajar Baru	2 Julai - 3 Julai 2006	2 hari
Minggu Aluan Pelajar	4 Julai - 8 Julai 2006	5 hari

SEMESTER 1		
Aktiviti	**Tarikh**	**Tempoh**
Pendaftaran Pelajar Lama	10 Julai - 12 Julai 2006	2 hari
Perkuliahan	**10 Julai - 3 Sept. 2006**	**8 minggu**
Cuti Pertengahan Semester	4 Sept. - 10 Sept. 2006	1 minggu
Perkuliahan	**11 Sept.- 20 Okt. 2006**	**6 minggu**
Minggu Ulangkaji	21 Okt. - 5 Nov. 2006	2 minggu #
Minggu Peperiksaan	6 Nov.- 24 Nov. 2006	3 minggu
Cuti Antara Semester	25 Nov. - 25 Dis. 2006	4 minggu


SEMESTER 2		
Aktiviti	**Tarikh**	**Tempoh**
Pendaftaran Pelajar Lama	26 Dis. - 27 Dis. 2006	2 hari
Perkuliahan	**26 Dis. 2006 - 9 Feb. 2007**	**7 minggu**
Cuti Pertengahan Semester	10 Feb. - 20 Feb. 2007	1 minggu
Perkuliahan	**21 Feb. - 6 April 2007**	**7 minggu**
Minggu Ulangkaji	7 April - 15 April 2007	1 minggu
Minggu Peperiksaan	16 April - 4 Mei 2007	3 minggu
Cuti Panjang	5 Mei - 8 Julai 2007	9 minggu

ANTARSESI		
Aktiviti	**Tarikh**	**Tempoh**
Pendaftaran Pelajar Lama	7 Mei - 8 Mei 2007	2 hari
Perkuliahan	**7 Mei - 1 Julai 2007**	**8 minggu**


Nota:
Hari Raya Aidil Fitri - 24-25 Oktober 2006 (Selasa & Rabu)

LG
Pintu Utama
Lif
Makmal Komputer 1
SK-LG
Makmal
Realiti Maya 2
SK-LG
Makmal
Interaksi
Mesin-
Manusia 3
SK-LG
Makmal
Kepintaran
Buatan 4
SK-LG
Loading Bay

Tingkat G


Bilik Tutorial 1 G
Bilik Tutorial 2 G
Bilik Tutorial 3 G
Bilik Tutorial 4 G
Bilik Perundingan 1
Bilik Tutorial 5 G
Makmal Multimedia 3 SK-G
Makmal Kaunseling
Makmal Kaunseling Individu & Perundingan 2 SK-G
Makmal Komputer SK-G
Bilik Menunggu
LIF


Tingkat 1


Teater
Kognitif
Bilik
Tutorial 1
SK-1
Bilik
Tutorial 2
SK-1
Bilik
Tutorial 3
SK-1
Bilik
Tutorial 4
SK-1
Bilik
Perundingan 2
Bilik
Mesyuarat
Utama
Bilik
Mesyuarat
Program 1
Bilik
Mesyuarat
Program 2
LIF
Makmal
Komputer
SK-1
Bilik
Siswazah 1
SK-1
Bilik
Tutorial 5
SK-1
Bilik
Siswazah 2
SK-1

Pejabat AM
LIF
Tandas
PINTU MASUK
Staf Akademik
Staf Akademik

Tingkat 2

Tingkat 3


Bilik Dekan
TIMBALAN DEKAN
TIMBALAN DEKAN
LIF
Tandas
Surau
Server Room
Bilik Ketua Jabatan dan Staf Akademik

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Tel: +60 82 581575/ 581525 : Faks: +60 82 581567
http: //www.unimas.my

Printed by: Heng Sing Brothers Press, Kuching. Tel: 082-336868 E-mail: hengsing@gmail.com